

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى بِنَاثَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

PUSAT ASASI UITM

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

IKHWAN NAIM BIN MD NAWI

KETUA UNIT KUALITI :

NORLAILY BINTI AHMAD

PENYELARAS :

NOOR SYAHIDA BINTI MD SOH

PENULIS :

1. SYED ABDUL ILLAH ALYAHYA BIN SYED ABD KADIR
2. NOOR SYAHIDA BINTI MD SOH
3. RAIHANA BINTI MOHD YUSOF
4. NORULNAZILAH BINTI AB'LAH
5. NUR HIKAMAH BINTI SETH
6. NUR NADIAH FATIAH BINTI JOHARI
7. HARTINI BINTI AHMAD RAFAIE

8. MUHAMAD RAHIMI BIN CHE HASSAN
9. SAKINATUL AIN BINTI JELANI
10. NAZATUL AZLEEN BINTI ZAINAL ABIDIN
11. NIK NORZIEHANA BINTI CHE ISA
12. AHMAD FARID BIN ABIDIN @ BHARUN
13. JANAKI A/P MANOKARAN
14. FATIMAH AZZAHRA BINTI MD RAUS
15. NOR AZRINA @ NOR AZURA BT AB RAHMAN
16. AISYAH HANI BINTI MOHD.HABALI
17. MARZIAH BINTI MOKHTAR
18. NUR AMALINA BINTI ZAHARUDIN
19. NORLAILY BINTI AHMAD
20. IRWAN AFFENDI BIN MD NAIM
21. AIMI SYAFIQAH BINTI GHAZALI
22. MUHAMAD IZZAT BIN RAHIM
23. EZATHUL ZERAFENA BINTI MOHD RIS

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan AKNC 2021 kali ini tertumpu kepada **pembangunan pelajar** sepanjang 2021. Bertemakan "**Menggilap Permata**", pelbagai inisiatif strategik (IS) telah dilaksanakan berkaitan dengan pembangunan pelajar sepanjang tahun 2021. Walaupun mengalami kekangan disebabkan pandemik COVID-19 dalam tahun 2020 dan 2021, usaha untuk melaksanakan pembangunan pelajar tetap diteruskan dengan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak UiTM.

Perancangan bagi setiap IS pembangunan pelajar adalah penting bagi memastikan keberhasilan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai ciri-ciri model graduan UiTM yang bersifat kreatif, konstruktif, saintifik, inovatif, kritikal, analitikal dan holistik dapat dicapai. Pelbagai aktiviti dan program akademik dan bukan akademik telah dijalankan bagi menghasilkan pelajar yang berkecekapan global. Antaranya adalah melalui penglibatan pelajar dalam program yang bertemakan inovasi iaitu *ASID Innovation and Creative Day (AICD)*, *International Conference on Research and Practices in Science, Technology & Social Sciences (i-CReST)*, *Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi (PIITRAM)*. Penglibatan pelajar dalam program Plus Tahfiz pula bermatlamat untuk melahirkan profesional huffaz sebagai *khayra* ummah di peringkat Malaysia dan antarabangsa.

Perancangan melaksanakan setiap inisiatif dan program yang merujuk kepada pembangunan pelajar dirangka dan dirancang di awal tahun 2021. Sebelum perancangan dibuat, kepimpinan kanan mestilah melaksanakan analisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman (SWOT), sumber dan risiko untuk memastikan kebolehlaksanaan sesuatu inisiatif. Bagi setiap perancangan, barisan kepimpinan kanan perlu menyampaikan taklimat dan membuat pembentangan berkenaan hala tuju Pusat Asasi dan inisiatif strategik yang akan dilaksanakan sepanjang tahun ini. Kepimpinan kanan, khususnya Pengarah telah membawa pendekatan yang bersifat **transformasi** di mana sesuatu program atau aktiviti yang hendak dijalankan dapat memberi impak yang besar kepada pelajar, pensyarah dan Pusat Asasi.

Bagi menggerakkan setiap inisiatif yang telah dirancang, kepimpinan kanan mestilah memastikan kecukupan dari aspek sumber. Pertama, sumber manusia, di mana penglibatan pensyarah dan staf pentadbiran dalam jawatankuasa program yang terdiri daripada pelbagai bidang dan latar belakang. Kedua, sumber kewangan, di mana bajet yang diperuntukkan bagi setiap inisiatif dan aktiviti yang bakal dilaksanakan. Akhir sekali adalah aset, seperti fasiliti infostruktur dan infrastruktur yang tersedia di Pusat Asasi. Apabila kesemua sumber tersebut dapat dikenalpasti, proses pelaksanaan akan dijalankan dengan lebih mudah.

Pemantauan yang rapi bagi setiap program atau aktiviti dari pihak kepimpinan kanan dari awal hingga akhir adalah sangat penting untuk memastikan kejayaan sesuatu program yang dijalankan. Penglibatan kepimpinan kanan dalam mesyuarat seperti mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), mesyuarat pengurusan, jawatankuasa teknikal dan *post-mortem*. Hasil daripada mesyuarat, barisan kepimpinan kanan dapat maklumat dan memberikan maklumat secara langsung mengenai kemajuan dan permasalahan yang sebenar sesuatu program supaya proses tindakan pembetulan dan penambahbaikan dapat dilakukan dengan segera.

Kepimpinan kanan perlu mengambil tindakan terhadap dapatan daripada tinjauan soal selidik kepuasan pelanggan dan aduan serta maklum balas pelanggan mengenai sesuatu program. Semua hasil tinjauan, aduan dan maklum balas perlu dibawa ke dalam mesyuarat pengurusan atau mesyuarat jawatankuasa teknikal untuk dibincangkan bagi mencari titik persamaan dalam menyelesaikan masalah, dan cadangan yang perlu diambil bagi penambahbaikan.

Kepimpinan kanan juga perlu mengintegrasikan analisis SWOT, sumber dan risiko dalam merangka sesuatu inisiatif, plan pemantauan yang sistematik serta sentiasa aktif dalam

melakukan pembeccaran bagi melaksanakan penambahbaikan melalui model untuk memastikan kejayaan sesuatu IS.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Barisan kepimpinan kanan Pusat Asasi yang terdiri daripada Pengarah, Timbalan Pengarah, dan Ketua-Ketua Bahagian merupakan entiti yang terpenting dalam menentukan hala tuju Pusat Asasi agar objektif dan matlamat pendidikan Pusat Asasi UiTM tercapai. Pengarah sebagai pemimpin utama di jabatan sentiasa menekankan matlamat diri sendiri dan matlamat sebagai pensyarah di mana ianya mestilah selari dengan objektif Pusat Asasi. Sila rujuk Bukti 1, (Rajah 1.2a dan Rajah 1.2b).

Pendekatan yang diambil oleh kepimpinan kanan dalam menggerakkan sesuatu inisiatif pembangunan pelajar ialah **memahami sifat dan fungsi organisasi**. Pusat Asasi merupakan sebuah pusat akademik kepada pelajar yang cemerlang di dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pusat Asasi adalah salah satu platform kepada pelajar untuk membuat persediaan sebelum ke peringkat pengajian ijazah pertama di dalam UiTM mahupun di Universiti Awam Malaysia. Sila rujuk Bukti 2 (Rajah 1.2c).

Sehubungan itu, satu **falsafah** harus dipegang oleh semua warga Pusat Asasi bahawa **kecemerlangan pelajar di peringkat sekolah haruslah diteruskan di peringkat tinggi**. Pendekatan di sekolah kemungkinan berbeza dengan pendekatan di Pusat Asasi dan kaedah yang diguna pakai boleh diadaptasi oleh pelajar. Selain dari aspek kecemerlangan akademik, Pusat Asasi juga menitikberatkan kecemerlangan dalam kemahiran insaniah, sahsiah diri, bakat dan kepimpinan dengan harapan pelajar menuju ke arah graduan masa hadapan berkecekapan global. Sila rujuk Bukti 3 (Rajah 1.2d).

Gaya kepimpinan yang dibawa oleh Pengarah adalah **bersifat transformasi** agar impak yang lebih besar kepada pelajar dan organisasi dapat dihasilkan. Setiap program atau aktiviti yang ingin dilaksanakan mestilah berdasarkan kepada falsafah dan mempunyai unsur-unsur yang membawa kepada perkara yang bermakna. Sila rujuk Bukti 4 (Rajah 1.2e).

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_K01_KB02_20221_Pendekatan-Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_K01_KB02_20222_Pendekatan- Bukti 2.pdf](#)
3. [F0041_K01_KB02_20223_Pendekatan- Bukti 3.pdf](#)
4. [F0041_K01_KB02_20224_Pendekatan- Bukti 4.pdf](#)
- 5.
6. [F0041_K01_KB02_20221_Pendekatan-Bukti 1.pdf](#)
7. [F0041_K01_KB02_20222_Pendekatan- Bukti 2.pdf](#)
8. [F0041_K01_KB02_20223_Pendekatan- Bukti 3.pdf](#)
9. [F0041_K01_KB02_20224_Pendekatan- Bukti 4.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan kanan bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan empat objektif strategik (OS) dan tiga IS pembangunan pelajar dapat dicapai. Pelbagai program dan aktiviti pelajar yang dirancang pada 2021 perlu dilaksanakan walaupun menghadapi kekangan disebabkan pandemik COVID-19. Sila rujuk Bukti 1 (Rajah 1.3a).

IS1 adalah penglibatan pelajar dalam penyelidikan inovasi, IS2 pula kelab dan aktiviti pelajar manakala IS3 Plus Tahfiz. Sehubungan itu, beberapa program di bawah Hal Ehwal Akademik (HEA) - AICD, ICREST, KSTI serta Plus Tahfiz dianjurkan, manakala program kelab dan aktiviti pelajar di bawah anjuran Hal Ehwal Pelajar (HEP). Sila rujuk Bukti 1 (RAJAH 1.3a).

Oleh kerana pelajar yang datang ke Pusat Asasi terdiri daripada mereka yang mempunyai pelbagai latar belakang, pengalaman serta bakat semula jadi, ianya menjadikan kekuatan dalam melaksanakan setiap program. Sebagai contoh program CSR “Aktiviti Filantropi: Projek Wakaf Buku” yang dianjurkan oleh Kelab Recital House melalui kaedah *crowdfunding*. Sejumlah RM2194.95 telah berjaya dikumpulkan daripada 47 orang individu atau wakilnya dari kalangan pelajar bagi tujuan pembelian satu set tafsir Ibnu Katsir (10 Jilid), dan 100 buah buku pelbagai tajuk. Disamping itu, sebanyak sembilan buah buku telah disumbang secara fizikal. Buku wakaf yang dikumpulkan berjaya disumbangkan ke Madrasah Tahfiz Al-Jauhar, Kota Tinggi. Sila rujuk Bukti 2 (Rajah 1.3b).

Selain daripada itu, diversiti pelajar yang pelbagai juga menyumbang kepada penyertaan pelajar ke dalam program inovasi seperti AICD, i-CREST dan PIITRAM. Penyertaan ini secara tidak langsung memberikan pendedahan kepada pelajar kepada program inovasi dan melahirkan pelajar yang berkecekapan global. Sila rujuk Bukti 3 (Rajah 1.3c).

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_K01_KB03_20221_Perluasan- Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_K01_KB03_20222_Perluasan- Bukti 2.pdf](#)
3. [F0041_K01_KB03_20223_Perluasan- Bukti 3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Apabila sesuatu inisiatif atau program telah dilaksanakan, *post-mortem* dibuat sebaik sahaja aktiviti tamat di dalam mesyuarat teknikal. Penglibatan kepimpinan kanan dari awal seperti kelulusan kertas cadangan, lantikan Pengarah sebagai penasihat jawatankuasa merupakan mekanisma yang dapat menggerakkan inisiatif secara progresif. Sila rujuk Bukti 1 (Rajah 1.4.1a).

Kepimpinan kanan berperanan sebagai **pendorong untuk menggerakkan sesuatu inisiatif**. Pengarah akan terlibat secara menyeluruh dalam memberi idea, pandangan, nasihat dan tunjuk ajar kepada pensyarah yang dilantik dalam jawatankuasa program. Ini disebabkan sesetengah pensyarah yang dilantik itu terdiri daripada pensyarah yang masih baharu dan kurang berpengalaman. Walaubagaimanapun, tidak dinafikan ada pensyarah kanan yang berpengalaman dan berkemampuan untuk mengendalikan program di peringkat antarabangsa, dengan pemantauan kepimpinan kanan. Sebagai contoh, bagaimana untuk menarik minat peserta untuk menyertai dalam program i-CREST 2021, dan juga cadangan seperti jemputan penceramah tersohor sebagai perancak program bagi menggalakkan penyertaan peserta dari Universiti Awam yang lain. Sila rujuk Bukti 2 (Rajah 1.4.1b).

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_K01_KB04_KC01_20221_Pemantauan- Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_K01_KB04_KC01_20222_Pemantauan- Bukti 2.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Perancangan terhadap sesuatu inisiatif strategik mestilah merangkumi risiko yang dijangkakan akan hadir dan bagaimana untuk mengendalikan risiko tersebut. Jangkaan kepada kehadiran risiko perlu dibuat sebelum melaksanakan sesuatu inisiatif tersebut. Antara risiko yang memberikan impak kepada strategi dan hala tuju Pusat Asasi ialah **perubahan dasar tadbir urus akibat pandemik Covid-19**.

Pada 2021 berlaku beberapa peralihan fasa dan kelonggaran SOP telah memberi kesan kepada perancangan asal inisiatif strategik yang berkaitan dengan pembangunan pelajar. Kepimpinan kanan terpaksa mengambil tindakan yang proaktif berdasarkan kepada peralihan fasa yang diumumkan oleh Kerajaan. Apabila Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengumumkan kebenaran kemasukan pelajar ke kolej secara fizikal pada Oktober 2021, risiko penyebaran jangkitan COVID-19 merupakan salah satu risiko yang perlu ditekankan.

Oleh kerana itu, kepimpinan kanan mengambil tindakan dengan memastikan hanya pelajar berkeperluan khas sahaja yang dibenarkan tinggal di kolej. Mereka juga tidak dibenarkan keluar dari kampus buat sementara waktu ketika kes sedang meningkat kecuali untuk kes-kes kecemasan keluarga, temujanji doktor dan kematian ahli keluarga terdekat bagi mengurangkan risiko keberjangkitan COVID-19, disamping perlu peka dengan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang terkini.

Apabila isu dan risiko program telah dikenal pasti, kepimpinan kanan perlu bertindak dengan mengambil kira alternatif yang lain supaya aktiviti pembangunan pelajar dapat dijalankan seperti biasa. Disebabkan ada sesetengah pelajar yang berada di kolej, manakala selebihnya berada di rumah, program kokurikulum tetap dijalankan, tetapi secara *Open Distance Learning* (ODL). Rujuk Bukti 1 (Rajah 1.4.2a)

Sebagai contoh, aktiviti kelab yang berjudul "*Scribble IO*" yang dianjurkan oleh Book Club mendapat sambutan ramai oleh ahlinya walaupun ianya dijalankan di atas talian. Pelajar dibahagikan di dalam kumpulan dan seterusnya setiap kumpulan perlu meneka lukisan yang bertemakan filem yang diadaptasi dari buku. Kumpulan yang berjaya meneka dengan jumlah betul yang paling banyak dikira sebagai pemenang. Manakala bagi program Plus Thafiz pula, hafazan dilakukan secara atas talian dan setiap pelajar mempunyai buku rekod yang merekodkan hafazan mereka.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_K01_KB04_KC02_20221_Risiko- Bukti 1.pdf](#)

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Perbincangan perlu dibuat di pelbagai platform. Contohnya apabila sesuatu program dilaksanakan dapat dilihat secara langsung, permasalahan atau isu yang terjadi dan dibawa ke dalam mesyuarat *post-mortem*. Analisa kejayaan dan kegagalan dibuat berdasarkan kepada perbincangan yang dilaporkan disenaraikan semasa program berlangsung. Walaupun kebanyakan program yang direncanakan berjalan dengan sempurna tetapi cabaran tetap ada dan perlu ditambahbaik untuk tahun yang akan datang. Tinjauan soal selidik juga dibuat sebaik sahaja program tamat. Maklum balas dan aduan daripada pensyarah serta pelajar atau peserta program perlulah dikumpul dan dianalisa bagi tujuan penambahbaikan.

Penilaian risiko perlu dijalankan sebelum program berlangsung dan langkah yang perlu diambil untuk menangani risiko seperti mengurangkan impak negatif atau menghindari risiko juga dibuat di peringkat awal. Penglibatan pensyarah yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dalam jawatankuasa, serta tanggungjawab yang diberikan kepada orang yang mempunyai kemampuan untuk melaksanakan inisiatif strategik agar dapat memainkan peranan yang baik dalam jawatankuasa program.

Laporan dari ketua projek program perlu dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan. Dengan itu, kepimpinan kanan dapat mengesan kelemahan yang dialami oleh jawatankuasa. Contohnya tuntutan dari staf dan juga pelajar dari tabung kewangan. Apabila analisa sesuatu program dijalankan bersama kepimpinan kanan, tindakan penambahbaikan di masa akan datang akan menjadi lebih mudah. Pengalaman yang telah diperolehi akan memberi faedah pembelajaran supaya tindakan yang bijak dan realistik boleh dilakukan serta risiko boleh dikurangkan. Sila rujuk Bukti 1 (Rajah 1.4.3a)

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_K01_KB04_KC03_20221_Tindakan Penambahbaikan- Bukti 1.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Untuk menggerakkan jabatan bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik yang dirancang dalam pembangunan pelajar, kepimpinan kanan perlu mengintegrasikan falsafah yang dipegang Pusat Asasi. Pendekatan transformasi yang digunakan oleh kepimpinan kanan dapat menjana perkara baru serta memberikan impak yang besar dan faedah kepada pelajar. Setiap inisiatif yang dijalankan bukanlah hanya setakat memenuhi aktiviti tahunan, tetapi melihat kepada keberhasilan pembangunan pelajar.

Beberapa perkara yang perlu dilakukan oleh kepimpinan kanan seperti analisa SWOT dan penilaian risiko mesti dibuat secara menyeluruh. Sebagai contoh, disebabkan kekangan pandemik COVID-19 yang dihadapi, satu jawatankuasa baru telah diwujudkan iaitu **Timbalan Pengarah (Pembangunan dan Kelestarian)** bagi menguatkan organisasi dari segi infrastruktur dan infostruktur kampus. Dengan wujudnya jawatankuasa baru ini, ianya dapat memudahkan pengurusan kanan untuk berurusan dengan sebarang masalah yang mengganggu perjalanan aktiviti pembangunan pelajar seperti ketiadaan rangkaian maklum. Sila Rujuk Bukti 1 (Rajah 1.5a)

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_K01_KB05_20221_Integrasi- Bukti 1.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik (PS) Pusat Asasi UiTM telah dirangka berasaskan kepada **Pelan Strategik UiTM 2025** dan selari dengan agenda dalam **Rancangan Malaysia Ke-12**. Pemetaan petunjuk prestasi/*performance indicator* (PI) kepada objektif strategik (OS) dan inisiatif strategik (IS) yang telah dirancang adalah bertujuan agar pada akhirnya dapat menghasilkan **graduan masa hadapan berkecekapan global** yang selari dengan **Pemangkin Dasar 1 RMK-12 iaitu membangunkan bakat masa hadapan**. Perancangan Strategik Pusat Asasi yang telah dirangka juga selari dengan Petunjuk Prestasi (PI) yang diperturunkan kepada Pusat Asasi oleh pengarah peneraju melalui **Bahagian Transformasi Universiti (BTU)**. Pada tahun 2021, Pusat Asasi telah diperturunkan sebanyak 37 petunjuk prestasi (PI) oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025 merangkumi lima peneraju utama iaitu dibawah Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (TNC A&A), Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (TNC HEP), Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNC P&I), Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (TNC ICAN) dan Penolong Naib Canselor Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (PNC MASMED).

Dari segi proses pelaksanaan; bahagian dan kumpulan pelaksana yang diberi tanggungjawab telah melaksanakan aktiviti mengikut perancangan dan ketua setiap teras akan memantau kemajuan aktiviti yang dirancang. Pengurusan kanan akan memantau perjalanan aktiviti dan inisiatif dari semasa ke semasa melalui Mesyuarat Pembentangan PI dan Strategic Action Plan (SAP) setiap tiga bulan. Penyelaras perancangan strategik universiti (PSTU) dilantik berperanan dalam mengumpulkan dan melaporkan status aktiviti serta mendapatkan data yang diperlukan bagi tujuan laporan pencapaian petunjuk prestasi bulanan Pusat Asasi dan pelaporan kepada BTU. Pemakluman setiap projek, aktiviti dan inisiatif akan dimaklumkan kepada semua kumpulan sasaran melalui laman web, emel, kumpulan *whatsapp*, Telegram, akaun media sosial rasmi Pusat Asasi seperti Facebook, Instagram, Twitter dan juga YouTube. Hebahan ini merangkumi promosi dan liputan sebelum, semasa dan selepas aktiviti. Pihak pengurusan kanan sentiasa menyokong setiap inisiatif strategik dan membantu dari segi keperluan sumber yang diperlukan. Risiko yang boleh menjejaskan kelancaran aktiviti juga diberi perhatian dan ditambahbaik bagi memastikan setiap inisiatif berjaya dilaksanakan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Objektif dan inisiatif strategik yang dirancang dalam Pelan Perancangan Strategik (**PPS**) Pusat Asasi 2021 jabatan adalah selari dengan **empat PI** yang diperturunkan kepada Pusat Asasi dibawah TNC HEP iaitu PI035, PI040, PI042 serta PI050 (Bukti 1 Rajah 2.2a).

Pemetaan PI, Objektif Strategik (OS) dan Inisiatif Strategik (IS) dalam PPS diringkaskan dalam infografik (Bukti 1 Rajah 2.2b).

Daripada keseluruhan program penyelidikan, persidangan dan inovasi yang melibatkan penyertaan pelajar daripada peringkat kampus sehinggalah ke peringkat antarabangsa, empat daripadanya adalah pertandingan inovasi dan satu persidangan penyelidikan. Jawatankuasa yang bertanggungjawab bagi **IS1** adalah **Jawatankuasa Inovasi, Pengkomersialan & Jaringan Industri** bagi ASiD Innovation and Creativity Day (AICD), Creations de UiTM (CDU), Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi (PIITRAM) dan Karnival Sains dan Teknologi Islam (KSTI) manakala **Jawatankuasa Penyelidikan & Perundingan bertanggungjawab** untuk program International Conference on Research and Practices in Science, Technology and Social Sciences (I-CReST). Penglibatan pelajar dalam setiap aktiviti ini akan diberikan markah ko-kurikulum yang direkodkan dalam Sistem Pendaftaran Kokurikulum CRS Pusat Asasi (Bukti 2 Rajah 2.2c).

Dalam usaha melahirkan graduan masa hadapan berkecekapan global, bahagian HEP Pusat Asasi telah mengambil inisiatif menubuhkan kelab-kelab pelajar (**IS2**) di bawah penyeliaan staf akademik dan bukan akademik. Lanya dapat menerapkan nilai kemahiran insaniah yang tinggi dan berpersonaliti unggul disamping memenuhi keperluan UPU pelajar Pusat Asasi melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Muda (Bukti 2 Rajah 2.2d). Di peringkat permulaan, hebahan melalui aplikasi *whatsapp* mengenai **tawaran lantikan sebagai Penasihat Kelab Kokurikulum** (Bukti 2 Rajah 2.2e). Staf yang berminat perlu memohon melalui HEP dan surat lantikan Penasihat Kelab akan diberikan.

Sebanyak 43 kelab ditubuhkan bagi tahun 2021 seperti English Debate & MUN Club, Kelab Khidmat Masyarakat, Kelab Multimedia dan pelbagai lagi kelab lain (Bukti 3 Rajah 2.2f). Setelah kelab didaftarkan di bahagian HEP, Penasihat Kelab perlu merancang aktiviti untuk pelajar dan mendaftarkan semua aktiviti ke dalam Sistem Pendaftaran Kokurikulum (CRS) yang telah dibangunkan. Bahagian HEP akan meluluskan aktiviti melalui sistem yang sama dan Penasihat Kelab boleh mendapatkan maklumbalas dengan kadar segera. Sistem yang sama juga digunakan oleh pelajar untuk menyemak markah kokurikulum mereka. Panduan kemasukan markah kokurikulum kepada Penasihat Kelab juga disediakan oleh bahagian HEP dan hebahan melalui aplikasi *whatsapp* (Bukti 4 Rajah 2.2g). Prosedur kerja bagi proses pendaftaran dan pemarkahan kelab juga diedarkan kepada penasihat kelab oleh bahagian HEP (Bukti 4 Rajah 2.2h)

Program Plus Tahfiz Pusat Asasi (PPT) (**IS3**) adalah program yang diwujudkan dalam seluruh sistem UiTM termasuklah di Pusat Asasi bagi **melahirkan professional Huffaz Al-Quran** sebagai **Khayra Ummah** di peringkat Malaysia dan antarabangsa. Pelaksanaan program IS3 adalah **berbeza dengan kampus cawangan lain** kerana program ini diperkenalkan dalam bentuk berkredit dan tidak berkredit. Para pelajar adalah terdiri daripada pelajar Asasi Sains, Asasi Kejuruteraan, Asasi TESL dan Asasi Undang-undang yang mempunyai kelayakan hafazan sekurang-kurangnya 15 juzuk. Kelas dikendalikan oleh guru tahfiz dan pensyarah yang bertauliah serta mempunyai kelayakan dalam bidang hafazan al-Quran. Risalah PPT dilampirkan dalam Bukti dibawah. Ekoran pandemik Covid -19, kebanyakan program dilaksanakan secara atas talian. **Program berbentuk kesejahteraan emosi** telah dijalankan secara atas talian. Program yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 adalah seperti Bukti 5 Rajah 2.2i.

SENARAI BUKTI:

-
1. [F0041_P01_PB02_20221_Pendekatan_Bukti 1.pdf](#)
 2. [F0041_P01_PB02_20222_Pendekatan_Bukti 2.pdf](#)
 3. [F0041_P01_PB02_20223_Pendekatan_Bukti 3.pdf](#)
 4. [F0041_P01_PB02_20224_Pendekatan_Bukti 4.pdf](#)
 5. [F0041_P01_PB02_20225_Pendekatan_Bukti 5.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi merealisasikan visi dan misi UiTM, Pelan Perancangan Strategik Pusat Asasi telah dirangka berlandaskan kepada Pelan Strategik UiTM 2025 (2020-2025) dan sejajar dengan RMK-12. Pemetaan PI, OS dan IS (Pendekatan Bukti 1 Rajah 2.2b) yang telah dirangka ini adalah bertujuan agar pada akhirnya dapat menghasilkan **graduan masa hadapan berkecekapan global** yang selari dengan **Pemangkin Dasar 1 RMK-12 iaitu membangunkan bakat masa hadapan** (Bukti 1 Rajah 2.3a). Bagi mencapai PI yang diperturunkan kepada Pusat Asasi, ketiga-tiga IS telah dipetakan secara khusus kepada empat PI dibawah peneraju TNC HEP (Rujuk Bukti 2 Rajah 2.3b).

Bagi melaksanakan OS dan IS yang dirancang, pihak kepimpinan kanan Pusat Asasi menggunakan kaedah komunikasi dua hala untuk menyampaikan dan menyebarkan OS dan IS yang dirancang. Pengarah Pusat Asasi, Prof. Ts. Dr. Saifollah Haji Abdullah telah menyampaikan maklumat IS bagi tahun 2021 dan juga menyampaikan pencapaian sasaran PI bagi tahun 2020 kepada semua staf akademik dan bukan akademik melalui saluran *Youtube live* dalam Amanat Pengarah Pusat Asasi UiTM 2021 pada 24 Februari 2021 (Bukti 3 Rajah 2.3c). Penyampaian maklumat IS dan pencapaian sasaran PI semasa pula dimaklumkan kepada kesemua staf Pusat Asasi pada Taklimat Akademik Pusat Asasi 2021 pada 4 Ogos 2021 (Rujuk Bukti 4 Rajah 2.3d).

Selain dari itu, pihak kepimpinan kanan sentiasa menyokong aktiviti ketiga-tiga IS yang ditetapkan bagi mencapai bidang tumpuan dan memastikan keperluan sumber adalah mencukupi seperti keperluan kewangan dan sumber manusia yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Pusat Asasi. Pemantauan berterusan juga dilaksanakan secara berterusan dan dipantau oleh kepimpinan kanan bagi memastikan aktiviti berkaitan bidang tumpuan berjalan lancar seperti yang dirancang.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_P01_PB03_20221_Perluasan_Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_P01_PB03_20222_Perluasan_Bukti 2.pdf](#)
3. [F0041_P01_PB03_20223_Perluasan_Bukti 3.pdf](#)
4. [F0041_P01_PB03_20224_Perluasan_Bukti 4.pdf](#)
5. [F0041_P01_PB03_20225_Pendekatan_Bukti 5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Mesyuarat pembentangan pencapaian PI dan SAP 2021 telah dilaksanakan bersama Pengarah Pusat Asasi, pengurusan kanan dan juga pelaksana IS setiap tiga bulan bermula Jun sehingga Disember (Bukti 1 Rajah 2.4.1a). Hasil pemantauan dari mesyuarat ini akan direkodkan di dalam *Google Sheets Strategic Action Plan* Pusat Asasi (SAP 2021) (Bukti 2 Rajah 2.4.1b) untuk rekod Pusat Asasi. Seterusnya data pencapaian PI dan SAP direkodkan ke dalam sistem iPROMS ([http: www.proms.uitm.edu.my](http://www.proms.uitm.edu.my)) bagi rekod BTU (Bukti 3 Rajah 2.4.1c) oleh PSTU.

Pemantauan **IS1** iaitu program AICD, CDU, ICR_eST, PIITRAM, dan KSTI diletakkan di bawah seliaan HEA. Status semasa inisiatif strategik dan laporan akhir diserahkan kepada HEA untuk tujuan rekod pencapaian dan penambahbaikan. HEA juga telah menyediakan platform pemantauan yang mana setiap jawatankuasa ini perlu mengemaskini status inisiatif masing-masing di *Googledrive*.

Penolong Pendaftar Kanan (HEP) telah dilantik sebagai pegawai yang bertanggungjawab bagi menyelia aktiviti kelab di bawah HEP. Sebarang aktiviti **IS2** yang ingin dilaksanakan oleh Penasihat Kelab perlulah melalui Borang C yang dihantar ke HEP dan kelulusan dikeluarkan berdasarkan ketetapan yang telah dibuat di dalam Mesyuarat Pengurusan. Seterusnya, Penasihat Kelab perlu mendaftar aktiviti yang telah diluluskan ke dalam CRS bagi memudahkan pihak HEP memantau aktiviti dan markah kokurikulum pelajar. Penasihat Kelab perlu menyediakan laporan aktiviti beserta gambar semasa aktiviti berlangsung dan menghantarnya kepada HEP dalam tempoh 14 hari selepas aktiviti tamat dan markah kokurikulum pelajar direkodkan didalam CRS. Pihak HEP akan memantau markah kokurikulum pelajar melalui CRS dan akan memberi peringatan kepada semua Penasihat Kelab secara berkala berkenaan pemberian markah kokurikulum bagi mengelakkan keciciran kemasukan markah (Bukti 4 Rajah 2.4.1d)

Pelajar PPTPA (**IS3**) secara berkredit dan tidak berkredit perlu mengikuti kelas Hafazan al-Quran yang dikendalikan oleh guru tahfiz bertauliah yang dilantik. Kelas hafazan ini dijalankan setiap hari bekerja mengikut masa yang telah ditetapkan guru tahfiz bersama pelaja. Pemantauan hafazan dilakukan dengan menggunakan sistem buku rekod hafazan yang disemak oleh guru tahfiz masing-masing (Bukti 5 Rajah 2.4.1e). Bagi Pelajar PPT berkredit, mereka akan mengikuti kelas khas secara akademik melalui kursus Pengantar Al-Quran (CTU061) dan Al-Quran dan Manusia (CTU062).

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_P01_PB04_PC01_20221_Pemantauan_Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_P01_PB04_PC01_20222_Pemantauan_Bukti 2.pdf](#)
3. [F0041_P01_PB04_PC01_20223_Pemantauan_Bukti 3.pdf](#)
4. [F0041_P01_PB04_PC01_20224_Pemantauan_Bukti 4.pdf](#)
5. [F0041_P01_PB04_PC01_20225_Pemantauan_Bukti 5.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Daftar pengurusan risiko di Pusat Asasi dikendalikan oleh Unit Kualiti dan dikelaskan mengikut kategori, impak dan tahap risiko. Bagi pelaksanaan **IS1**, risiko yang dikenalpasti adalah **tempoh pengajian setahun yang dirasakan pendek** untuk pensyarah mengasah kemahiran pelajar dalam penyelidikan dan inovasi. Selain itu, **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** pada tahun 2021 telah menyebabkan **kurangnya interaksi antara pelajar dan pensyarah** termasuk dalam perbincangan projek inovasi secara atas talian.

Walau bagaimanapun, program inovasi yang dijalankan pula mendapat sambutan yang baik walau dijalankan secara atas talian. **Interaksi secara interaktif dan akses capaian teknologi yang maksimum** perlu di ambil kira. Disini, Timbalan Pengarah Pembangunan dan Kelestarian Pusat Asasi telah memainkan peranan membantu kelancaran akses capaian teknologi dan internet. Seterusnya melancarkan interaksi antara pelajar dan pensyarah.

Selain dari itu, jaringan keselamatan yang terkawal adalah perlu agar tiada isu kebocoran maklumat yang tidak wajar. Justeru itu, borang maklum balas disediakan bagi mendapatkan maklum balas program (Bukti 1 Rajah 2.4.2a).

Pelaksanaan Key Performance Index (KPI) staf akademik terkini yang menetapkan pencapaian yang lebih tinggi, sedikit sebanyak mempengaruhi penglibatan pensyarah secara sukarela sebagai Penasihat Kelab (**IS2**). Menjadi seorang Penasihat Kelab memerlukan komitmen yang tinggi bagi menerapkan nilai-nilai murni kepada para pelajar. Justeru, **komitmen yang jitu dan tempoh yang mencukupi diperlukan** bagi memberi hasil yang baik terhadap setiap aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan.

Selain faktor dalaman, **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang terpaksa dilaksanakan oleh kerajaan bertujuan mengekang menyebarkan virus Covid-19 juga telah merencatkan aktiviti kokurikulum.

Bagi memastikan lantikan sebagai Penasihat Kelab terus relevan dikalangan staf akademik, Penasihat Kelab yang terdiri dari kalangan staf akademik memilih untuk **menubuhkan kelab yang bersesuaian dengan kepakaran masing-masing**. Contohnya, Pensyarah Undang-Undang menubuhkan Kelab Debat manakala Pensyarah Kemahiran Sains Komputer menubuhkan Kelab Multimedia (Bukti 2 Rajah 2.4.2b).

Komitmen pelajar Plus Tahfiz Pusat Asasi (**IS3**) untuk mengikuti kelas tasmik malam menurun kerana sebahagian pelajar kurang bermotivasi lantaran dibebani dengan tugas akademik, apatah lagi jumlah lima hari seminggu menjadikan pelajar rasa terbeban. Selain daripada itu, isu kewangan turut menjadi masalah dan risiko yang dihadapi dalam program Plus Tahfiz. Sumber kewangan diperlukan untuk menjalankan aktiviti pelajar Plus Tahfiz dan membayar imbuhan kepada guru Tasmik yang bertugas menilai dan memantau hafazan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_P01_PB04_PC02_20221_Risiko_Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_P01_PB04_PC02_20222_Risiko_Bukti 2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Keterlibatan semua pihak daripada pengurusan kanan, kumpulan pelaksana dan kumpulan sasar penting bagi mencapai PI, OS dan melaksanakan IS yang telah dirancang serta menambahbaik aktiviti pada masa akan datang. Pelbagai saluran dan pengukuran digunakan bagi tujuan penambahbaikan seperti borang maklumbalas program, perjumpaan langsung bersama pelajar, laporan aktiviti, *Post-mortem* program, mesyuarat akademik/jawatankuasa/unit, perbincangan melalui kumpulan-kumpulan *whatsapp*, pencapaian dan kejayaan pelajar dan maklumbalas di media sosial (Facebook, Instagram, Twitter, Youtube).

Berdasarkan sambutan yang menggalakkan dalam kalangan pelajar terhadap KSTI dan AICD di peringkat kampus, cetusan idea Pengarah Pusat Asasi untuk mengembangkan pertandingan inovasi ini ke peringkat kebangsaan telah dilaksanakan dan dinamakan sebagai CdU. Dalam masa yang sama, AICD dikekalkan sebagai program di peringkat kampus. Berikutan hasil kejayaan di KSTI dan AICD, beberapa kumpulan inovasi pelajar telah disaring untuk membawa hasil inovasi ke PIITRAM 2021 (Bukti 1 Rajah 2.4.3a) dan juga penglibatan pelajar dalam I-CReST 2021 (Bukti 2 Rajah 2.4.3b).

Bagi setiap program yang melibatkan pelajar, borang maklumbalas diedarkan diakhir sesi dan sebarang permasalahan akan direkodkan di dalam laporan aktiviti kelab. Pihak HEP juga komited dalam membantu meringankan tugas Penasihat Kelab. Pihak HEP telah membangunkan Sistem CRS bagi memudahkan proses kemasukan markah pelajar yang sebelumnya dilakukan oleh Penasihat Kelab secara manual (Bukti 3 Rajah 2.4.3c).

Bagi Program Plus Tahfiz Pusat Asasi, gerak kerja berpasukan dilakukan dalam kalangan KPP, penyelar, pensyarah dan guru Tahfiz. Perbincangan dan mesyuarat dilaksanakan bagi membincangkan perancangan aktiviti, perjalanan program dan permasalahan yang timbul. Bagi mengatasi masalah komitmen dan kurang motivasi dalam kalangan pelajar, inisiatif Halaqah Plus Tahfiz bersiri telah diadakan bagi memupuk semangat dan memastikan kesejahteraan emosi pelajar terjamin. Selain daripada itu Liqa' Mahabbah dan Tausiyah 2021 juga dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran dan motivasi seluruh warga dan pelajar Plus Tahfiz. Risiko kewangan yang dihadapi dalam Program Plus Tahfiz Pusat Asasi telah dipanjangkan ke peringkat pentadbiran UiTM Shah Alam. Hasil daripada usaha tersebut satu Tabung Amanah Plus Tahfiz telah diwujudkan bagi menjana kewangan Plus Tahfiz di Pusat Asasi dan di fakulti ACIS (Bukti 4 Rajah 2.4.3d). Dua perlatan daripada Zakat Korporat akan disalurkan ke tabung ini bagi menampung kos operasi Program Plus Tahfiz.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_P01_PB04_PC03_20221_Penambahbaikan_Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_P01_PB04_PC03_20222_Penambahbaikan_Bukti 2.pdf](#)
3. [F0041_P01_PB04_PC03_20223_Penambahbaikan_Bukti 3.pdf](#)
4. [F0041_P01_PB04_PC03_20224_Penambahbaikan_Bukti 4.pdf](#)
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengarah Pusat Asasi, TP API dan TP HEP & ICAN sentiasa memaklumkan, menggalakkan serta menghargai kerjasama semua pihak bagi pelaksanaan IS yang disampaikan melalui Mesyuarat Pusat Asasi dan juga Amanat Tahun Baru Pengarah 2021 serta disampaikan melalui mesyuarat unit oleh Ketua Kursus.

Hebahan kepada staf dan pelajar Pusat Asasi bagi **pelaksanaan kesemua IS** adalah lebih interaktif melalui media sosial rasmi Pusat Asasi seperti di facebook dan Instagram (Bukti 1 Rajah 2.5a).

Kolaborasi penyelidikan dan inovasi antara pensyarah dan pelajar boleh dianggap sebagai pendedahan awal pelajar kepada persekitaran penyelidikan yang sihat. Pembiayaan yuran penyertaan yang diluluskan melalui mesyuarat pengurusan turut memberikan impak yang positif dimana dapat membantu pelajar menyertai inovasi diperingkat lebih tinggi iaitu peringkat national seperti ke Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi 2021 (PIITRAM 2021) (Bukti 2 Rajah 2.5b).

Galakan diberikan kepada staf yang menjadi Penasihat Kelab melalui pengiraan satu kredit di bahagian pentadbiran akademik K3 bagi MyATP manakala staf bukan akademik pula, markah prestasi tahunan mereka akan dipertimbangkan bagi mengambil kira tugas mereka sebagai Penasihat Kelab.

Pihak HEP juga memberi hebahan berkenaan jemputan menyertai sebarang pertandingan yang boleh dipenuhi oleh kelab-kelab kokurikulum. Kelab-kelab yang memberi impak besar ke atas pembangunan pelajar diiktiraf di dalam **Majlis Anugerah Kokurikulum (MAKO) Pusat Asasi**. Ini bertujuan memberi penghargaan kepada Penasihat Kelab yang cemerlang disamping menjadi rujukan dan inspirasi bagi Penasihat Kelab yang lain. Ianya mampu menarik minat lebih ramai staf akademik dan bukan akademik untuk melibatkan diri sebagai Penasihat Akademik di Pusat Asasi. Walau bagaimanapun, MAKO 2021 terpaksa ditangguhkan akibat pandemik COVID-19 yang menyebabkan pelaksanaan aktiviti kokurikulum terbatas (Bukti 3 Rajah 2.5c).

Program Plus Tahfiz Pusat Asasi (PPTPA) merupakan program akademik di bawah bidang kuasa HEA. KPP ACIS yang bertindak sebagai KPP PPTPA bertanggungjawab memantau aktiviti berbentuk akademik dan ko-kurikulum berjalan dengan lancar. Pensyarah dan guru tahfiz yang bertauliah dilantik khusus untuk mengendalikan kelas hafazan pelajar. Ianya turut melibatkan insentif kewangan kepada guru hafazan ini. Elaun bulanan dibayar sebagai dorongan dan penghargaan atas khidmat bakti yang dihulurkan. Tenaga pengajar PPTPA turut dilibatkan dalam program pelajar seperti majlis rasmi Program Plus Tahfiz dan Program Persatuan Pelajar Plus Tahfiz.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_P01_PB05_20221_Integrasi_Bukti_1.pdf](#)
2. [F0041_P01_PB05_20222_Integrasi_Bukti_2.pdf](#)
3. [F0041_P01_PB05_20223_Integrasi_Bukti_3.pdf](#)
- 4.
- 5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan merupakan aset penting bagi Pusat Asasi UiTM Kampus Dengkil. Oleh itu, amat wajar fokus diberikan untuk memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan. Dalam masa yang sama, kepuasan dan maklum balas yang positif dari pelanggan akan secara langsung dapat menyumbang dan melonjak prestasi UiTM Kampus Dengkil ke peringkat yang lebih tinggi dan kekal relevan. Bagi mencapai hasrat tersebut, pelanggan perlu dikenal pasti dengan tepat agar perancangan yang jelas dan bersesuaian dapat dilaksanakan dalam usaha memastikan kepuasan maksima pelanggan tercapai, ditambah baik dan ditingkatkan secara berterusan.

Pelanggan Pusat Asasi dapat dikategorikan kepada dua kumpulan besar iaitu pelanggan dalaman, antaranya yang terdiri daripada pelajar cemerlang terpilih lepasan SPM dan pelanggan luaran. Pelajar ini diibaratkan seperti permata untuk digilap bagi menghasilkan graduan berkecekapan global. Melalui pembahagian ini, aktiviti yang berkaitan akan dijalankan dan analisa data yang dikumpul dapat dilakukan dengan efisien. Usaha pemantauan juga lebih mudah diselaraskan dan seterusnya perancangan bagi tujuan penambahbaikan secara berterusan dapat dijalankan dengan berkesan.

Pembangunan pelajar amat dititikberatkan bagi menghasilkan graduan masa hadapan berkecekapan global melalui peningkatan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi ke arah mencapai misi Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kejayaan pelajar bukan sahaja dilihat dari aspek kecemerlangan akademik, tetapi juga dari aspek keperibadian modal insan yang dapat dicapai apabila segala aspek pembangunan pelajar tersebut dipenuhi. Aspek perlindungan data pelanggan menjadi keutamaan institusi agar risiko seperti ketirisan maklumat dapat dibendung. Risiko seperti penggodaman sistem juga harus diuruskan dengan atasi agar kepercayaan pelanggan terhadap institusi tidak tercemar dan reputasi institusi kekal cemerlang.

Pihak pengurusan Pusat Asasi telah mengambil **langkah proaktif** untuk memastikan tindakan tambahbaik dilaksanakan. Melalui **inovasi dan kreativiti** pihak yang bertanggungjawab, data para pelanggan Pusat Asasi dapat dilindungi dengan baik.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pusat Asasi Kampus Dengkil menyokong aspirasi kerajaan ke arah transformasi pendidikan peringkat tinggi bagi melahirkan majikan dan pekerja yang serba boleh. Dalam usaha untuk memperkasakan bidang tumpuan, beberapa inisiatif terpilih telah diperincikan bagi mendapatkan hasil yang selari dengan misi dan visi kampus ini. Selaras dengan ini, Pusat Asasi telah mengenalpasti pelanggan dalaman dan luaran yang bertepatan untuk pembangunan pelajar. Kumpulan sasaran dalam aktiviti pembangunan pelajar adalah pelanggan dalaman iaitu pelajar dan staf akademik serta pentadbiran. Pelanggan luaran pula terdiri daripada pihak ibu bapa, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Swasta (IPTS) dan sekolah. Rujuk Bukti 1 (Rajah 3.2a)

PELANGGAN DALAMAN

Pembangunan pelajar yang merupakan bidang tumpuan yang dititikberatkan bagi membangunkan potensi pelajar bumiputera dalam bidang sains, teknologi dan profesional melalui pendidikan pra-universiti. Pelanggan dalaman kampus ini merupakan pelajar **cemerlang terpilih lepasan SPM** yang melepasi syarat kemasukan ke program-program yang ditawarkan iaitu;

1. Program Asasi Sains
2. Program Asasi TESL
3. Program Asasi Undang-undang UiTM
4. Program Undang-undang KPTM
5. Program Asasi Kejuruteraan

Staf yang terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran juga merupakan sebahagian dari pelanggan dalaman. Staf akademik terdiri daripada pensyarah berstatus pensyarah tetap, pensyarah kontrak dan pensyarah sambilan sepenuh masa (PTFT). Tenaga pengajar yang berkualiti dan berkemahiran tinggi disediakan bagi melahirkan pelajar yang berketerampilan dan cemerlang. Para staf akademik merupakan tonggak kepada kecemerlangan bagi pembangunan pelajar yang merupakan bidang tumpuan.

PELANGGAN LUARAN

Pelanggan luar yang diklasifikasikan sebagai komuniti dapat dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu:

Ibu bapa atau penjaga merupakan pemegang taruh yang secara tidak langsung merupakan pelanggan luaran bagi institusi ini. Maklum balas daripada mereka merupakan maklumat untuk memperkasakan usaha membangunkan pelajar Asasi sepanjang masa.

IPTA dan IPTS juga merupakan pelanggan luaran kepada Pusat Asasi. Hubungkait antara pelajar Pusat Asasi dengan pelanggan luar adalah apabila pelajar menyambung pengajian di IPTA atau IPTS tersebut. Fungsi Pusat Asasi ialah **menyediakan pelajar** yang mempunyai penguasaan akademik dan kemahiran generik yang mantap dan bersedia untuk mengikuti **kursus ijazah pertama** berteraskan Sains dan Teknologi serta Sains Sosial di fakulti-fakulti di IPTA dan IPTS.

Sekolah sekitar kampus merupakan pelanggan luaran yang terlibat secara langsung dengan aktiviti terpilih yang dijalankan di organisasi ini. Antaranya adalah pelajar dari sekolah menengah yang berminat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat asasi.

Secara umumnya, pelanggan bagi kumpulan sasaran pembangunan pelajar di Kampus Dengkil merupakan pelajar dari kursus Sains, Kejuruteraan, Undang-undang (UiTM dan KPTM) dan juga TESL. Namun, kumpulan **sasaran yang difokuskan adalah pelajar** yang menyertai International Conference on Research and Practices in Science, Technology and Social Sciences (I-CReST), ASiD Innovation & Creativity Day/Creation de UiTM (AICD/CDU), Karnival Sains & Teknologi Islam (KSTI), kelab dan aktiviti pelajar, dan Program Plus Tahfiz Pusat Asasi. Setiap kumpulan sasaran ini adalah mengikut objektif setiap aktiviti dan program.

Antara pendekatan yang dilakukan untuk mendapatkan pelanggan menyertai program yang dirancang adalah hebahan melalui poster, emel dan aplikasi media sosial, sistem pendaftaran kokurikulum (Cocurriculum Registration System - CRS) pelajar. Kerjasama antara staf akademik dan pelajar sebagai jawatankuasa program juga mampu mendapatkan pelanggan dalaman dan luaran. Sila rujuk Bukti 2 (Jadual 3.1a)

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_T01_TB02_20221_Pendekatan- Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_T01_TB02_20222_Pendekatan- Bukti 2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.
6. [F0041_T01_TB02_20221_Pendekatan- Bukti 1.pdf](#)
7. [F0041_T01_TB02_20222_Pendekatan- Bukti 2.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengumpulan **data pelanggan** melalui beberapa cara dan kaedah telah dilakukan bagi tujuan **penentuan keperluan** dan seterusnya memastikan penglibatan kumpulan sasaran di dalam bidang pembangunan pelajar. Antara keperluan pelanggan yang telah dikenalpasti adalah mendapat pendidikan yang berkualiti dan selari dengan kehendak industri, memiliki nilai kemahiran insaniah (KI) sebagai nilai tambah menghasilkan graduan masa hadapan berkecekapan global. Dalam masa yang sama, pendedahan pelajar terhadap ilmu keusahawanan juga diambil berat dan mereka didedahkan melalui aktiviti keusahawanan secara praktikal. Penggunaan jalur lebar yang stabil dan laju bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran serta program juga telah disediakan oleh pihak kampus. Bandwidth dan kapasiti 2Gbps network bandwidth merupakan tahap yang mencukupi untuk kegunaan warga Pusat Asasi. Tambahan pula, liputan Wireless Fidelity (WiFi) adalah merangkumi 100% di bangunan seluruh kampus. Sila rujuk Bukti 1 (Jadual 3.3.1a)

Pengumpulan data juga dilakukan melalui QR Code dan Google Forms bagi tujuan merekodkan kehadiran dan maklum balas program. Sila rujuk Bukti 1 (Jadual 3.3.1a)

Selain Google Forms, data pelanggan juga dikumpul dan disimpan melalui laman web Sistem Pendaftaran Kokurikulum (CRS), <https://asid.uitm.edu.my/crs/main.php>. Melalui sistem ini, penasihat kelab boleh menyemak kehadiran, penglibatan pelajar dalam program yang dijalankan serta rekod markah kokurikulum. Dalam masa yang sama, penasihat kelab menyampaikan maklumat seperti panggilan mesyuarat ataupun peringatan mengenai aktiviti yang dijalankan di dalam kumpulan kelab melalui aplikasi WhatsApp. Sila rujuk Bukti 1 (Jadual 3.3a)

Telegram Info Rasmi Pusat Asasi UiTM juga digunakan untuk hebahan sebarang program yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Hal Ehwal Akademik. Sila rujuk Bukti 1 (Jadual 3.3a)

Maklumat pelanggan dalaman yang terdiri daripada staf akademik dikumpul melalui platform rasmi institusi iaitu Student's Feedback Online (SuFo). Melalui Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS), staf akademik dinilai dari segi aspek pengajaran yang merangkumi perancangan pengajaran, pelaksanaan dari aspek kaedah penyampaian dan interaksi. Selain itu, laman web Amanah Tugas Pensyarah (MyATP) berupaya mengenal pasti, mendokumentasikan dan mengiktiraf tugas dan tanggungjawab staf akademik termasuk aktiviti pengajaran, keserjanaan akademik dan perkhidmatan/sumbangan. Staf akademik dan pentadbiran juga diberikan peluang untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang keusahawanan melalui latihan. Sila rujuk Bukti 2 (Jadual 3.3a)

Program Selangkah ke UiTM dan Open Day Pusat Asasi berupaya mengumpul maklumat mengenai bakal pelajar yang berminat menyambung pelajaran di Pusat Asasi. Program ini dapat memberi pendedahan kepada pelanggan luar (sekolah) mengenai program yang ditawarkan, kemudahan yang wujud di kampus serta halatuju selepas menamatkan program Asasi. Penglibatan secara langsung dengan masyarakat luar, sebagai contoh, penglibatan sukarela warga Pusat Asasi membantu masyarakat ketika bencana banjir akan dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara warga Pusat Asasi dan masyarakat sekeliling. Ini secara tidak langsung dapat menzahirkan reputasi yang baik terhadap institusi ini. Sila rujuk Bukti 3 (Jadual 3.3a)

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_T01_TB03_20221_Perluasan- Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_T01_TB03_20222_Perluasan- Bukti 2.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Terdapat pelbagai kebaikan dan ganjaran yang diperoleh oleh pelanggan hasil daripada penyertaan dalam aktiviti-aktiviti tumpuan yang dipilih. Kebaikan yang diperoleh bersifat holistik, di mana para pelajar bukan sahaja boleh menimba ilmu pengetahuan, malahan dapat menggilap kemahiran insaniah apabila menyertai aktiviti-aktiviti tumpuan tersebut.

Antara ganjaran yang diperoleh oleh para pelajar apabila menyertai konferens ini adalah mereka **peluang berkongsi hasil penyelidikan melalui pembentangan di peringkat antarabangsa**. Selain itu, para pelajar juga dapat **berkolaborasi dan mengembangkan rangkaian sosial dengan peserta daripada universiti dalam dan luar negara**. Hasil kajian **penyelidikan pelajar** yang berpotensi, mempunyai peluang untuk diterbitkan dalam jurnal Scopus, MyCite, MyJournal atau e-prosiding. Melalui konferens ini juga, para pelajar akan dapat bersaing secara sihat dan pelajar yang dapat membenteng dengan cemerlang, akan dianugerahkan Pembentang Terbaik.

Kebaikan yang para pelajar perolehi melalui pertandingan AICD ini adalah peluang untuk **bekerja dalam kumpulan, dapat pengalaman untuk bertanding antara kumpulan dan didedahkan kepada kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif**. Satu bengkel mengenai kaedah pembentangan dan kepentingan inovasi juga dijalankan semasa pertandingan AICD ini yang dapat membantu para pelajar memahami aspek inovasi dengan lebih baik. Ini dapat dijadikan sebagai nilai tambah untuk pelajar tersebut apabila mereka menghadiri temuduga peringkat Sarjana Muda.

Kebaikan yang para pelajar dapat perolehi apabila menyertai aktiviti kelab adalah terbentuk sifat **kerjasama dan komunikasi yang baik iaitu antara kemahiran insaniah yang diperlukan oleh pelajar**. Ini seiring dengan tema iaitu **'Menggilap permata'** yang dihayatkan oleh Pusat Asasi. Sebagai contoh, apabila menyertai Kelab Debat, pelajar akan dapat mempelajari kemahiran berdebat yang betul dan juga dapat meningkatkan tahap keyakinan bercakap di depan orang awam. Pelajar yang didedahkan kepada latihan berdebat dan juga pertandingan berdebat akan memperoleh secara tidak langsung dapat menggilap kemahiran insaniah mereka.

Pelanggan yang mengikuti Program Plus Tahfiz mendapat kebaikan yang merupakan platform bagi mereka yang telah hafiz al-Quran untuk mengulang hafazan selama setahun tempoh pengajian di Pusat Asasi. Bagi mereka yang baru belajar menghafal, program ini merupakan juga satu platform untuk membentuk para pelajar dalam aspek hafazan. Sijil penyertaan juga diberikan kepada pelajar yang berminat mengikuti siri hafazan yang disediakan oleh program ini. Sila rujuk Bukti 1 (Jadual 3.3a)

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_T01_TB04_TC01_20221_Pemantauan- Bukti 1.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Di dalam sesebuah institusi, risiko bukanlah sesuatu yang asing yang boleh menghalang kejayaan pelaksanaan sesuatu aktiviti. Namun, sekiranya risiko tersebut diuruskan dengan efisien, mampu menyumbang kepada nilai tambah kepada aktiviti tersebut. Dari perspektif data pelanggan yang telah dikumpul, maklumat tersebut tidak boleh disebarluaskan sewenang-wenangnya atau dicapai tanpa kebenaran. Keselamatan data peribadi pelanggan Pusat Asasi perlu dilindungi pada setiap ketika.

Terdapat pelbagai risiko yang dihadapi Pusat Asasi pada tahun 2021 terutamanya dari segi keselamatan data pelanggan dan penjagaan imej dan reputasi institusi. Antara risiko utama berkaitan dengan ketirisan data peribadi pelanggan dalaman, dan godaman data Pusat Asasi. Kebocoran data peribadi boleh mencetus kebimbangan terhadap pengguna yang menjadi mangsa kejadian. Pelanggan hilang kepercayaan terhadap pihak yang bertanggungjawab melindungi maklumat tersebut. Selain itu, penyalahgunaan maklumat peribadi boleh berlaku apabila data dapat dicapai oleh pihak luar seperti penipuan siber.

Risiko lain yang telah dikenalpasti adalah ketidakpuasan hati pelanggan tentang sesuatu isu yang timbul seperti perkhidmatan yang kurang memuaskan, maklumat yang tidak jelas dan tepat, serta kemudahan yang tidak memenuhi kehendak pelanggan. Tindakan pelanggan terhadap ketidakpuasan ini yang disalurkan melalui sosial media dan menjadi tular akan menjejaskan imej atau reputasi institusi. Kepuasan pelanggan merupakan faktor yg penting bagi kelangsungan dan perkembangan institusi ini. Sila rujuk Bukti 1 (Jadual 3.4.2a)

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_T01_TB04_TC02_20221_Risiko- Bukti 1.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kelemahan perlindungan data adalah ancaman serius kepada sesuatu institusi kerana data merupakan aset yang sangat penting dan berharga. Setelah mengenal pasti risiko, pihak Pusat Asasi telah mengambil langkah untuk memastikan ianya diambil tindakan. Hal ini perlu dilaksanakan secepat mungkin untuk mengelakkan risiko yang lebih besar daripada berlaku terhadap data para pelanggan Pusat Asasi. Malahan, pelanggan akan hilang kepercayaan sekiranya tindakan segera dan berkesan tidak diambil.

Penjagaan maklumat mesti sentiasa dikawal dan pelanggan yang berurusan perlu patuh dengan peraturan supaya tidak timbul pelanggaran perjanjian. Sebagai contoh, staf akademik yang melapor diri dikehendaki menandatangani Borang Aku Janji dan mengambil maklum akan pekeliling baru mengenai etika yang dikeluarkan. Dengan itu, staf akademik tidak boleh menyebarkan atau menyalah guna maklumat peribadi pelanggan.

Segala aduan atau kekurangan dari segi kualiti perkhidmatan seharusnya disalurkan pada platform rasmi yang telah disediakan. Pihak yang bertanggungjawab akan dapat menyampaikan maklumat yang tepat bagi mengelakkan masalah atau isu berlarutan. Sekiranya perlu, untuk menangani isu yang lebih kritikal, pihak institusi akan memberi penjelasan yang lebih formal melalui kenyataan media yang akan diuruskan oleh pusat media induk.

Ancaman luar yang dikenalpasti sebagai risiko oleh pihak institusi adalah penggadam sistem di mana data pelanggan disimpan. Penggunaan 'Firewall' (Web Application Firewall - WAF Solution) merupakan salah satu benteng yang telah dilaksanakan oleh pihak institusi. Kebenaran mengakses maklumat atau data pelanggan tersebut hanya diberikan kepada pelanggan yang berdaftar dan masih berstatus aktif di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berkaitan. Dalam masa yang sama, setiap program secara maya yang menggunakan Google platform hanya dihadkan kepada pelanggan dalaman sahaja. Sila rujuk Bukti 1 (Jadual 3.4.3a)

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_T01_TB04_TC03_20221_Tindakan Penambahbaikan- Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_T01_TB04_TC03_20222_Tindakan Penambahbaikan- Bukti 2.pdf](#)
3. [F0041_T01_TB04_TC03_20223_Tindakan Penambahbaikan- Bukti 3.pdf](#)
4. [F0041_T01_TB04_TC03_20224_Tindakan Penambahbaikan- Bukti 4.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengumpulan data pelanggan yang teratur dan spesifik amat penting bagi pihak pengurusan Pusat Asasi bagi memastikan terdapat maklum balas yang informatif bagi penambahbaikan perkhidmatan. Melalui digitalisasi, pihak institusi telah berjaya memperkaya dan melahirkan sistem yang lebih informatif dan efisien di mana maklumat dapat dicapai dengan lebih cepat dan tepat. Namun, pada masa yang sama, terdapat ancaman siber yang boleh menjejaskan keselamatan data pelanggan. Demi melindungi maklumat ini, langkah penjagaan dan perlindungan telah dilaksanakan.

Data pelanggan dapat dilindungi oleh **inovasi seperti penjanaan** e-sijil secara automatik setelah pelaksanaan setiap program tanpa melibatkan pihak ketiga. Data sensitif seperti nombor kad pengenalan serta nama penuh tidak dapat diakses oleh pihak ketiga kerana proses tersebut hanya melibatkan platform sedia ada (*Google Forms* dan *Google Sheets*). Inovasi ini dapat menjimatkan kos dari aspek tenaga kerja dan meminimumkan *human error*. Dalam masa yang sama penjimatan juga berlaku dari aspek kos penjanaan secara fizikal sijil penyertaan. Sila rujuk Bukti 1 (Rajah 3.5a)

Pihak pengurusan telah mengambil **langkah proaktif** dengan mencipta laman sesawang informasi akademik yang merupakan *One-Stop Centre* di mana segala maklumat akademik dikumpul dan disimpan. Bagi melindungi data sensitif, akses kepada maklumat tertentu diberikan hanya kepada mereka yang berkaitan. Sebagai contoh para pelajar dapat mengakses laman sesawang ini, namun, mereka tidak boleh mencapai maklumat yang dikhaskan untuk staf akademik. Sila rujuk Bukti 2 (Rajah 3.5b)

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_T01_TB05_20221_Integrasi- Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_T01_TB05_20222_Integrasi- Bukti 2.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan adalah perkara penting dalam menjadikan matlamat “Graduan berkecekapan Global” suatu realisasi. Dalam misi “mengilap permata”, pengukuran dan analisis setiap pelaporan akhir program berserta maklum balas dapat menentukan samada program-program yang dianjurkan dapat memberikan hasil dan impak kepada para pelajar. Pengurusan pengetahuan yang efisien juga dapat menjamin kualiti dan memaksimumkan perkongsian maklumat. Oleh itu, pencapaian bidang tumpuan Pusat Asasi UiTM telah diukur dari masa ke semasa bagi menjamin objektif strategik (OS) kampus dapat dicapai dengan cemerlang.

Pelaksanaan pengukuran dimulakan dengan menetapkan **sasaran pengukuran** dan menentukan standard yang ingin dicapai. Sasaran ini bersumberkan kepada petunjuk prestasi (PI) yang menjadi kayu ukur kepada tiga inisiatif strategik (IS) yang telah dikenal pasti iaitu:

- ü IS1: Penyelidikan dan inovasi
- ü IS2: Kelab dan aktiviti pelajar
- ü IS3: Program Plus Tahfiz Pusat Asasi

Dengan adanya ketetapan sasaran, program-program yang berdasarkan setiap IS telah dirancang bagi mencapai matlamat OS.

Setelah itu, **proses kerja yang bersesuaian dirangka** bagi tujuan pelaksanaan program-program bagi membolehkan sasaran di atas tercapai. Proses kerja ini meliputi **pengurusan data** seperti pengumpulan data, penyediaan laporan, perbandingan dengan data lepas dan KPI, pembentangan serta analisis terhadap keberkesanan dan kelemahan sesuatu program dilakukan bagi mencadangkan langkah penambahbaikan.

Langkah **penambahbaikan** boleh berlaku secara *top-down* melalui lantikan pegawai bertanggungjawab oleh pengurusan kampus atau *bottom-up* melalui inovasi dalam cara kerja atau amalan sihat oleh warga. Hasil daripada langkah yang diambil sentiasa dipantau bagi menilai keberkesanannya seterusnya menjadi asas kepada tindakan pembetulan atau penambahbaikan berterusan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pusat Asasi telah diperturunkan sebanyak 37 petunjuk prestasi oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025 yang merangkumi tujuh teras iaitu Pengajaran & Pembelajaran, Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan, Akademia, Industri & Masyarakat, Kepimpinan, Keusahawanan dan Pengurusan Profesional.

Pendekatan yang diambil untuk mengukur bidang tumpuan Pusat Asasi UiTM adalah dengan menilai penglibatan pelajar serta pencapaian dalam tiga inisiatif strategik (IS) utama iaitu; **IS1** Penyelidikan dan inovasi, **IS2** Kelab dan aktiviti pelajar, **IS3** Program Plus Tahfiz Pusat Asasi.

Penilaian meliputi pengumpulan data berkenaan bilangan **penganjuran, penglibatan dan pencapaian** daripada setiap inisiatif strategik yang dinyatakan. Gambarajah 4.2a memaparkan hubungan ketiga-tiga IS ini dan hasil utama Pusat Asasi UiTM (rujuk Bukti 1 Mukasurat 1). Pendekatan ini mencakupi pengumpulan data jumlah penglibatan pelajar berserta pensyarah dalam pelbagai program. **Penganjuran** merujuk kepada jumlah aktiviti yang berjaya dilaksanakan pada tahun tertentu berdasarkan perancangan strategik Pusat Asasi UiTM. **Penglibatan** menunjukkan kuantiti program/acara yang disertai. **Pencapaian** pula menumpukan kepada kualiti pencapaian yang diperolehi hasil daripada penglibatan dalam program yang disertai (contoh: pencapaian pingat dan jumlah tontonan “YouTube” dan “Facebook Live”).

Pengukuran **penganjuran, penglibatan dan pencapaian** melibatkan penelitian pola peningkatan dan penurunan mengikut tahun. Ini menjadi penanda aras kualiti sama ada terdapat prestasi yang konsisten atau kemajuan/kemerosotan bagi selang masa yang ditetapkan. Contoh pengukuran bagi IS2 iaitu Kelab dan Kokurikulum (aktiviti bersama komuniti) boleh dirujuk di Bukti 1 (Rajah 4.2a) manakala contoh bagi IS1 boleh dirujuk di Bukti 2 (Jadual 4.2a).

Bagi memastikan para pelajar mencapai kecekapan global, inisiatif yang diambil adalah dengan memperkenalkan mereka dengan program-program penyelidikan dan inovasi.

Program-program yang telah diadakan secara berkala ini seperti program penyelidikan I-Crest, Creations de UiTM (CDU), AICD, Ildex dan Piitram telah membantu para pelajar dalam berpikiran secara kreatif dan kritis. Sasaran yang ditetapkan di dalam IS1 adalah sebanyak 250 penyertaan pelajar. Gambarajah di bawah menunjukkan pengukuran dari segi kuantiti dan kualiti program yang dijalankan di bawah IS1.

Bagi sasaran IS2 iaitu penglibatan pelajar dalam kelab dan aktiviti pelajar yang berkait dengan kemahiran komunikasi, sebanyak 40 aktiviti telah ditetapkan. Manakala bagi penglibatan pelajar di dalam e-Sport, sasaran ditetapkan adalah sebanyak 50 penyertaan. IS3 pula menekankan pelaksanaan lima program kesejahteraan emosi yang dibuktikan dengan program-program kerohanian Plus Tahfiz Pusat Asasi di kalangan pelajar dalam menghasilkan huffaz yang professional.

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_A01_AB02_20221_Pendekatan- Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_A01_AB02_20222_Pendekatan- Bukti 2.pdf](#)
3. [F0041_A01_AB02_20223_Pendekatan- Bukti 3.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Di Pusat Asasi UiTM, proses pemantauan pencapaian dilaksanakan secara berkala dan berperingkat. Proses dimulakan oleh pegawai bertanggungjawab yang terdiri daripada koordinator, penyelar, penasihat dan AJK yang dilantik dengan menyediakan laporan status pencapaian program di bawah seliaan masing-masing. Setelah data diperolehi, perbandingan di buat di antara pencapaian semasa dengan pencapaian lepas. Seterusnya, semakan dilakukan oleh ketua bahagian bagi mengenal pasti kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang serta cadangan penambahbaikan. Pelaporan status pencapaian yang disediakan ini akan dibentangkan oleh ketua bahagian kepada kepimpinan tertinggi Pusat Asasi UiTM dalam mesyuarat pengurusan. Pemantauan pencapaian juga dilakukan oleh unit kualiti dan unit perancangan strategik Pusat Asasi UiTM. Unit ini mengambil pandangan dan nasihat pengurusan tertinggi Pusat Asasi UiTM bagi tujuan penambahbaikan pencapaian bidang tumpuan serta mencadangkan lantikan pegawai yang bersesuaian bagi tujuan pemantauan, pelaporan dan pelaksanaan. Gambar rajah 4.3 memaparkan carta alir proses pemantauan yang diamalkan rujuk Bukti 1(Rajah 4.3a).

Sebagai contoh, penglibatan kokurikulum pelajar ditafsirkan sebagai berkualiti apabila mencapai julat merit 8 hingga 10. Pengukuran dilakukan dengan membandingkan peratus pelajar dalam kategori merit 8 hingga 10 dari tahun ke tahun. Apabila terdapat pola penurunan, langkah penambah-baikkah boleh dicadangkan untuk menggalakkan dan meningkatkan penglibatan pelajar dalam kokurikulum. Selain itu, perbandingan peratus pencapaian kokurikulum antara program juga boleh dilakukan bagi mengenal pasti kecenderungan dan minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum yang dianjurkan.

Bagi IS3 Program Plus Tahfiz Pusat Asasi, sasaran yang ditetapkan adalah setiap pelajar program ini seharusnya menghabiskan sebanyak 12 juzuk (6 juzuk setiap semester). Pengukuran dilakukan dengan membandingkan peratus pelajar yang berjaya menepati sasaran tersebut. Apabila terdapat pola penurunan, langkah penambah-baikkah boleh dicadangkan untuk menggalakkan dan meningkatkan motivasi pelajar supaya lebih berusaha dalam penghafalan juzuk Al-Quran. Pengukuran jumlah hafazan juga dilakukan antara pelajar tahfiz lelaki dan perempuan. Perbandingan yang dibuat ini adalah bagi memastikan target huffaz professional dapat dicapai.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_A01_AB03_20221_Perluasan- Bukti 1.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Setelah hasil analisa data dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pusat Asasi (JAP), segala maklumat direkod dan dimurnikan sebelum diperluaskan untuk pengetahuan warga dalam mesyuarat akademik Pusat Asasi.

Hasil-hasil utama akan sentiasa dipantau kualiti dan keberkesanannya daripada maklum-balas daripada pelanggan dan peserta. Maklumat yang diperolehi akan dianalisa oleh pegawai yang dilantik bagi penambahbaikan. Sila rujuk Bukti 1 (Rajah 4.4.1a) adalah contoh borang maklum-balas yang digunakan bagi menilai keberkesanan dan cadangan penambahbaikan sesuatu program. Laporan akhir juga akan digunakan bagi tujuan refleksi penambahbaikan untuk program yang akan datang dari segi kualiti, kos dan keberkesanan program tersebut. Pembangunan sistem 'Co-Curriculum Registration System (CRS) oleh HEP dan Unit Infostruktur membantu dalam proses pemantauan aktiviti pelajar dan juga kelab ko-kurikulum. Dengan adanya sistem CRS ini, rekod dan pemarkahan merit kokurikulum telah menjadi lebih kemas dan berstruktur.

Melalui Unit Korporat, penerbitan 'bi-annual' 'Buletin Pusat Asasi' telah menerbitkan segala aktiviti, pencapaian dan kemajuan yang dicapai sepanjang tahun. Dengan adanya buletin ini, perkongsian maklumat kepada warga Pusat Asasi menjadi lebih kemas dan teratur di samping dapat memberi penghargaan kepada staf yang cemerlang.

Melalui maklumat dari pelanggan, pihak berkaitan boleh mengambil langkah proaktif bagi meningkatkan mutu bagi kegunaan program yang akan datang. Pemantauan berterusan bagi setiap program akan memastikan kualiti program tersebut terjamin dan memenuhi tahap piawaian yang ditetapkan.

Pemantauan dari hasil tontonan "YouTube" Pusat Asasi juga dilakukan bagi mengenal pasti pola pertambahan tontonan program yang disalurkan melalui saluran rasmi Pusat Asasi. Peningkatan yang dapat dilihat adalah dari tontonan program I-CReST pada tahun 2020 (359) kepada hampir 3000 tontonan pada tahun 2021.

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_A01_AB04_AC01_20221_Pemantauan- Bukti 1.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Terdapat pelbagai risiko yang boleh menjejaskan pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan bagi bidang tumpuan Pusat Asasi UiTM. Sekiranya tidak diurus dengan efektif, kebolehpapaian KPI yang ditetapkan pasti sukar dilakukan. Bukti 1 memaparkan beberapa risiko dan tindakan yang digunapakai untuk mengatasi risiko tersebut (Rajah 4.4.2a).

Terdapat 3 risiko yang dikenalpasti boleh merencatkan proses pengukuran yang berkesan iaitu kesukaran mengumpul data yang berselerak (scattered), data tidak lengkap serta kegagalan memenuhi KPI pencapaian yang telah ditetapkan kerana pelaksanaan proses yang tidak berpandukan data.

Data sukar dikumpulkan kerana ia datang dari pelbagai sumber dan pengumpulannya tidak berpusat (centralized) ke satu sumber yang mudah diakses dan dirujuk. Ini menyebabkan data yang dikumpulkan tidak lengkap atau tidak relevan dengan situasi yang berubah-ubah. Selain itu, data juga mungkin hilang, rosak, atau tidak dilaporkan sama sekali berikutan pemantauan yang lemah. Kekurangan data juga menyebabkan kelemahan sukar dikenalpasti dan langkah penambahbaikan yang efektif tidak dapat diambil. Kesannya, proses kerja yang sama diulang semula dan KPI terus-menerus tidak dapat dicapai.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_A01_AB04_AC02_20221_Risiko- Bukti 1.pdf](#)

4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

nisiatif amalan pembudayaan pelaporan yang lengkap dan penghantaran yang sistematik dilaksanakan untuk mengurangkan risiko kepada pengukuran bidang tumpuan.

Di Pusat Asasi UiTM, pelaporan untuk sesebuah program atau acara yang dilaksanakan hendaklah disediakan dan dihantar berserta bukti bergambar bagi tujuan rekod data dan hebahan dalam **tempoh 14 hari** selepas penganjuran program. Penegasan amalan ini sentiasa ditekankan melalui peringatan yang diberikan di dalam surat kelulusan program yang dikeluarkan oleh Ketua Jabatan. Kegagalan menghantar laporan di saluran yang ditetapkan boleh menyebabkan permohonan kewangan di masa akan datang tidak dipertimbangkan. Gambar rajah 4.4.3a menunjukkan contoh surat rasmi yang berkenaan (rujuk Bukti 1 Mukasurat 1). Pembangunan sistem CRS turut membantu dalam penambahbaikan proses pendaftaran, pemantauan dan merekod aktiviti pelajar. Dengan adanya sistem ini, segala aktiviti pelajar dan urusan pemarkahan ko-kurikulum pelajar dapat diuruskan dengan sistematik. Sila rujuk Bukti 1 (Rajah 4.4.3a)

Selain itu, penghantaran laporan aktiviti program juga dilaksanakan melalui Google Drive. Penggunaan platform ini dapat memudahcarakan penghantaran laporan di mana laporan boleh dihantar secara salinan lembut dan dimuatnaik di platform yang telah disediakan. (Sila rujuk Bukti 2 (Rajah 4.4.3b)

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_A01_AB04_AC03_20221_Tindakan Penambahbaikan- Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_A01_AB04_AC03_20222_Tindakan Penambahbaikan- Bukti 2.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Komitmen berterusan Pusat Asasi UiTM bagi memastikan pengukuran bidang tumpuan dapat dilakukan dengan efisien telah melahirkan inovasi dalam kaedah pemantauan penghantaran laporan program yang telah dianjurkan. Sebelum ini, pemantauan amat sukar dilakukan berikutan jumlah program yang tinggi serta kekangan masa, menyebabkan data hilang atau tidak sempurna. Risiko yang dikenalpasti ini telah ditangani bagi memastikan pengurusan pengetahuan dapat dikendalikan dengan lebih sempurna. Dengan adanya pengurusan pengetahuan yang lebih terurus, penyimpanan dan penyebaran data maklumat dapat dimaksimakan dan seterusnya membantu kepada tahap kualiti yang lebih cemerlang. Sejalan dengan tema “Graduan berkecekapan Global”, penggunaan aplikasi teknologi adalah penting dalam memastikan dapatan dan capaian maklumat dihujung jari. Oleh itu, Pusat Asasi UiTM menjalankan inisiatif dalam mengintegrasikan alat kolaborasi teknologi dalam pengurusan pengetahuan bagi memanfaatkan aksesibiliti maklumat.

Portal ASiD Academic

Portal ASiD Academic diperkenalkan sebagai sebuah *one-stop centre* bagi hebahan informasi rasmi dan maklumat akademik. Sebarang dokumen yang berkaitan akan dimuatnaik ke dalam laman sesawang dan dikemaskini pada pautan yang berkaitan. Penggunaan alat kolaborasi teknologi seperti Google Drive, Google Docs dan Google Sheets telah memudahkan penyimpanan dan perkongsian dokumen. Justeru itu, maklumat akademik ini dapat diuruskan dengan baik dan perkongsiannya juga lebih efektif bagi memudahkan para pelajar mendapat informasi dengan lebih cepat dan tepat. Ini dapat membantu kebolehcapaian setiap IS kerana maklumat yang tepat telah dikongsikan.

Selain itu, kaedah penghantaran laporan secara *paperless* di mana dokumen boleh dihantar secara salinan lembut juga menjimatkan masa dan ruang, serta membolehkan penghantaran laporan dilakukan dengan mudah di mana ia boleh dilakukan tanpa mengira tempat dan juga tidak tertakluk kepada kekangan masa (mengikut masa pejabat) dalam penghantaran dokumen. Risiko kehilangan dokumen juga diminimumkan kerana data disimpan di storan awan (cloud storage) BHEA. Sila rujuk Bukti 1 (Rajah 4.5a)

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_A01_AB05_20221_Integrasi- Bukti 1.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Keberkesanan dan kecemerlangan sesuatu program atau aktiviti di sesebuah organisasi adalah bergantung kepada pengurusan sumber manusia yang efisien. Matlamat dan objektif perancangan dapat dicapai sekiranya kesemua pihak yang terlibat bersama-sama membantu memberikan khidmat bakti serta komitmen yang tinggi dalam memastikan setiap perincian perancangan berjalan dengan lancar. Pusat Asasi sentiasa menekankan gerak kerja secara berpasukan. Penguatkuasaan kepakaran staf dalam kalangan staf akademik dan pentadbiran diperluaskan dimana semua warga bersama-sama menggembeng tenaga memastikan aktiviti pembangunan pelajar dapat dicapai mengikut KPI yang ditetapkan.?

Seiring dengan itu, pelbagai usaha telah dijayakan dalam usaha “Menggilap Permata” bagi memastikan pembangunan pelajar di Pusat Asasi terus cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik malah dalam pembangunan insaniah melalui aktiviti kokurikulum dan pematuhan sahsiah diri. Pembentukan jati diri pelajar yang holistik serta berkecekapan global adalah lambang kecemerlangan dan ketampakan positif Pusat Asasi dalam masyarakat luar. Persekitaran serta ruang kerja yang kondusif diwujudkan agar setiap warga kakitangan Pusat Asasi sentiasa bersemangat dan produktif. Penyesuaian dalam norma baharu juga telah berjaya diadaptasi dalam pelbagai program pembangunan pelajar. Pemantauan secara berterusan serta pengurusan risiko yang cekap telah dijalankan dalam memastikan inisiatif strategik berjaya dicapai.

Pusat Asasi sentiasa berusaha melakukan penambahbaikan dan meningkatkan pembudayaan amalan yang baik dan terancang. Pelbagai bentuk inovasi telah berjaya diwujudkan bagi meningkatkan kecemerlangan dalam menguruskan program pembangunan pelajar. Usaha berterusan ini juga dilaksanakan melalui pemantapan pengurusan prestasi, pengiktirafan dan sanjungan serta motivasi bersifat intrinsik juga ekstrinsik. Sehubungan itu, prestasi kerja warga Pusat Asasi dapat dilihat melalui penilaian keberhasilan, penetapan sasaran dan akauntabiliti, serta pengiktirafan yang sejajar dengan misi dan visi Pusat Asasi.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam meningkatkan kecemerlangan pembangunan pelajar, Pusat Asasi menggunakan pendekatan **pengoptimuman kepakaran sumber manusia** dengan menyusun struktur organisasi pengurusan kampus yang melibatkan dua bahagian iaitu Bahagian Hal Ehwal Akademik, Penyelidikan dan Inovasi (API) serta bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jaringan Industri dan Alumni (HEP & ICAN). Seterusnya, warga Pusat Asasi dengan bidang kepakaran yang pelbagai turut dilibatkan sebagai ahli jawatankuasa yang diwujudkan dalam mencapai inisiatif strategik seperti yang dipaparkan dalam Bukti 1 (Rajah 5.2a). Pelbagai kursus, bengkel dan seminar yang relevan dan efektif telah dianjurkan dalam meluaskan lagi pengetahuan dan meningkatkan kemahiran warga Pusat Asasi. Kepakaran warga akademik sebagai penasihat akademik pelajar, penasihat projek inovasi, penasihat kelab kokurikulum, ketua penulis artikel, pembangun sistem dan tenaga pengajar Plus Tahfiz dioptimumkan dalam mencapai KPI Pusat Asasi.

Penglibatan dan pengoptimuman kepakaran warga Pusat Asasi dalam mencapai inisiatif strategik disenaraikan dalam Bukti 2 (Jadual 5.2a).

Tiga inisiatif strategik (IS) difokuskan untuk mencapai kecemerlangan pembangunan pelajar iaitu penyelidikan dan inovasi, kelab dan aktiviti pelajar serta Program Plus Tahfiz. Pada masa yang sama aktiviti pembangunan pelajar berbentuk keusahawanan dan e-sport juga diberi penekanan selari dengan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2021-2025 dan Pelan Strategik Pembangunan e-sport 2020-2025. Sila rujuk Bukti 3 (Rajah 5.2c)

Pendekatan efektif melalui pengoptimuman sumber manusia dalam kalangan warga Pusat Asasi adalah mengikut bidang kepakaran tertentu dengan tujuan mengkoordinasi aktiviti berkaitan penyelidikan, inovasi, pembangunan insaniah dan pengajian Al-Quran. Penglibatan staf berkepakaran dapat dilihat melalui pelantikan sebagai penasihat akademik pelajar, penasihat projek inovasi, ketua penulis artikel, pembangun sistem, penasihat kelab kokurikulum, pengurus pasukan, tenaga pengajar Plus Tahfiz, ahli jawatankuasa, dan lain-lain di bawah inisiatif strategik.

Gandingan dan kerjasama mantap antara staf akademik dan pentadbiran dalam setiap aktiviti yang dijalankan telah mewujudkan budaya kerja yang harmoni, cemerlang dan berkualiti. Impaknya, kejayaan dan keberhasilan dapat dicapai dalam setiap penganjuran aktiviti sama ada di peringkat kampus, universiti, kebangsaan dan antarabangsa atau di bawah penganjuran pihak luar seperti dari industri dan badan professional (dlm proses mendapatkan data untuk dimasukkan dalam Jadual). Pusat Asasi secara aktif telah menganjurkan beberapa sesi taklimat, webinar dan bengkel bersiri secara atas talian dengan menjemput **penceramah luar** dalam meningkatkan kepakaran warganya (sila rujuk Gambarajah 5.1). Pada masa yang sama, Pusat Asasi amat menggalakkan **inisiatif sendiri dalam penyertaan kursus atau bengkel** serta memperluas pengetahuan dan peningkatan kemahiran dan profesionalisma (sila rujuk Bukti 4).

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_S01_SB02_20221_Pendekatan- Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_S01_SB02_20222_Pendekatan- Bukti 2.pdf](#)
3. [F0041_S01_SB02_20223_Pendekatan- Bukti 3.pdf](#)
4. [F0041_S01_SB02_20224_Pendekatan- Bukti 4.pdf](#)
- 5.
6. [F0041_S01_SB02_20221_Pendekatan- Bukti 1.pdf](#)
7. [F0041_S01_SB02_20222_Pendekatan- Bukti 2.pdf](#)

-
8. [F0041_S01_SB02_20223_Pendekatan- Bukti 3.pdf](#)
 9. [F0041_S01_SB02_20224_Pendekatan- Bukti 4.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Penstrukturan organisasi dan pembentukan jawatankuasa yang terdiri daripada staf akademik dan staf pentadbiran dapat membantu usaha “menggilap permata” ini. Antara struktur Organisasi Jawatankuasa yang terlibat dapat dilihat dalam Bukti 1 (Rajah 5.3a). Staf akademik Pusat Asasi yang mempunyai kepelbagaian latar belakang kepakaran memberikan kelebihan kepada Pusat Asasi dalam merangka aktiviti pembangunan pelajar. Kecemerlangan pembangunan pelajar yang memfokuskan aktiviti berkaitan penyelidikan, inovasi, pembangunan insaniah, pengajian Al-Quran, keusahawanan dan e-sport dikoordinasikan dengan mengoptimalkan kepakaran staf akademik mengikut kepakaran bidang dalam penyeliaan khususnya, penasihat kelab dan penyeliaan projek, manakala kepakaran staf pentadbiran dioptimumkan dalam pelaksanaan penganjuran program. Pusat Asasi juga menitikberatkan **perkongsian ilmu** melalui webinar **dalam kalangan staf akademik ataupun pentadbiran** serta penceramah luar seperti paparan dalam Bukti 2 (Rajah 5.3b). Sesi perkongsian ilmu ini adalah penting untuk pembangunan sumber manusia dan juga dapat digunakan sebagai rujukan penambahbaikan dari masa ke semasa. Bukti 3 (Rajah 5.3c) menunjukkan pelaksanaan program inovasi yang telah dianjurkan oleh Pusat Asasi dan bilangan staf serta pelajar Pusat Asasi yang terlibat. Pengoptimuman kepakaran staf akademik dilakukan melalui lantikan dan penyertaan sebagai penyelia projek inovasi, jawatankuasa penganjur, juri dan editor abstrak serta banyak lagi peranan yang signifikan berdasarkan kepada pengalaman, kepakaran dan kematangan individu pensyarah. Staf pentadbiran pula telah memainkan peranan dalam menyediakan kelengkapan dan keperluan peralatan dan teknikal serta kestabilan capaian internet. Komitmen padu yang telah diberikan oleh staf akademik dan pentadbiran dalam menjayakan program ini berjaya merealisasikan objektif kecemerlangan pembangunan pelajar dalam memupuk minat para pelajar menerusi budaya rekacipta dan inovasi. Secara tidak langsung, penganjuran ini telah memberikan peluang bagi para pelajar dan staf Pusat Asasi untuk menonjolkan bakat di dalam bidang rekacipta dan inovasi sekaligus mendapat pengiktirafan berprestij. Perluasan aktiviti pembangunan pelajar seterusnya mengoptimalkan kepakaran staf akademik melalui peranan mereka sebagai editor dalam penulisan dan penerbitan daripada hasil rekacipta dan inovasi telah berjaya dicapai melalui penghasilan buku abstrak ASiD Innovation & Creativity Day (AICD 2021) dan Creations de UiTM (CDU 2020) yang telah diterbitkan dan dimuatnaik dalam laman sesawang Pusat Asasi seperti pada paparan Bukti 4 (Rajah 5.3d). Bukti 5 (Rajah 5.3e) pula memaparkan kepakaran staf akademik juga dioptimumkan melalui penglibatan sebagai juri, penyelia projek, pengurus kontinjen dan peserta dalam penyertaan pertandingan inovasi yang dianjurkan agensi luar seperti Pertandingan Inovasi Inter-Asasi & Matrikulasi (PIITRAM), Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Invention, Innovation and Design Exposition (IIDEX) dan lain-lain. Pusat Asasi juga komited dalam penganjuran program yang menyediakan platform untuk membentangkan hasil kerja penyelidikan dan inovasi melalui penganjuran International Conference on Research Practices in Science, Technology and Social Sciences (I-CReST2021) dengan mengoptimalkan kepakaran dalam kalangan staf akademik dan staf pentadbiran. Seramai 82 orang staf akademik dan 12 orang staf pentadbiran telah terlibat sebagai ahli jawatankuasa I-CReST 2021. Bersesuaian dengan **norma baharu**, Pusat Asasi telah berjaya menganjurkan **konferensi antarabangsa secara atas talian** di mana seramai 14 orang AJK Teknikal yang mempunyai kemahiran menguruskan kerja teknikal untuk bersiaran langsung melalui saluran YouTube rasmi Pusat Asasi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_S01_SB03_20221_Perluasan- Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_S01_SB03_20222_Perluasan- Bukti 2.pdf](#)

3. [F0041_S01_SB03_20223_Perluasan- Bukti 3.pdf](#)
4. [F0041_S01_SB03_20224_Perluasan- Bukti 4.pdf](#)
5. [F0041_S01_SB03_20225_Perluasan- Bukti 5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pusat Asasi amat menitikberatkan keadaan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif bagi melancarkan aktiviti dan program pembangunan pelajar. Pusat Asasi juga komited dalam memastikan aktiviti pembangunan pelajar tetap berjalan dengan efektif dan relevan mengikut kesesuaian norma baharu di mana, beberapa jenis platform maya dikenalpasti seperti penggunaan Google Meet, OBS, StreamYard, YouTube Live, Facebook Live dan Instagram dalam penganjuran pelbagai program pembangunan pelajar sejajar dengan inisiatif strategik yang telah dirancang.

Sistem sokongan yang baik dan platform maya yang mesra pengguna dapat meningkatkan produktiviti dan penglibatan staf dan pelajar Pusat Asasi dalam setiap program pembangunan pelajar. Maklum balas berkenaan tahap kepuasan hati warga Pusat Asasi terhadap persekitaran dan sistem kerja telah dijalankan melalui Kajian Indeks Kegembiraan dan laporan adalah seperti dalam Rajah 5.4.1a (sila rujuk Bukti 1).

Secara keseluruhannya, warga Pusat Asasi adalah gembira dan berpuas hati dengan persekitaran dan sistem kerja dalam norma baharu. Penglibatan staf akademik dan pentadbiran dalam program pembangunan pelajar juga amat baik dan dinamik.

Sistem e-aduan digunakan bagi memudahkan komunikasi secara atas talian supaya segala maklumbalas dapat direkodkan dan diambil tindakan sewajarnya. Kesemua aduan yang diterima akan disalurkan kepada wakil yang telah dilantik di Pusat Asasi. Setiap aduan yang dibuat direkodkan mengikut bulan dan dibahagikan kepada jenis-jenis aduan. Kesemua aduan yang dibuat berjaya diselesaikan oleh pihak yang bertanggungjawab (sila rujuk Bukti 2).

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_S01_SB04_SC01_20221_Pemantauan- Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_S01_SB04_SC01_20222_Pemantauan- Bukti 2.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Selain daripada pemantauan terhadap program yang dijalankan, Pusat Asasi juga memberi perhatian terhadap aspek pengurusan risiko. Pemantapan sistem pengurusan risiko yang sistematik dan berkesan untuk menangani isu-isu sumber manusia yang terlibat adalah amat penting bagi meningkatkan kecemerlangan program pembangunan pelajar. Risiko berkaitan sumber manusia, persekitaran dan sistem kerja dikenalpasti dan pelan tindakannya adakah seperti tertera dalam Jadual 5.4.2a (sila rujuk Bukti 1).

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_S01_SB04_SC02_20221_Risiko- Bukti 1.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Penganjuran program pembangunan pelajar mengikut norma baharu semestinya memberi cabaran yang berbeza kepada setiap warga Pusat Asasi. Dalam memastikan setiap perancangan program berjalan dengan lancar, kerjasama antara staf pentadbiran dan akademik amatlah penting. Berdasarkan pengurusan risiko yang telah dikaji, pelan tindakan pertama yang telah diambil adalah seperti membuat hebahan kalendar aktiviti Pusat Asasi serta lantikan jawatankuasa penggerak dengan lebih awal supaya tahap kebersediaan sumber manusia dapat ditingkatkan secara optimum. Kedua, pemakluman dan peringatan mengenai sasaran kerja tahunan (KPI) staf akademik dan pentadbiran dilakukan secara berkala oleh bahagian pentadbiran kampus. Ini adalah bertujuan untuk mengoptimumkan dan mengimbangi pengurusan sumber manusia dalam menjayakan sesuatu aktiviti pembangunan pelajar. Selain daripada itu, penetapan syarat pertukaran staf dengan penggantian staf yang mempunyai gred setara atau lebih tinggi merupakan pelan tindakan bagi mengatasi risiko perpindahan staf.

Melalui maklumbalas sumber manusia yang diterima, Pusat Asasi seterusnya mengambil tindakan mewujudkan pusat pengumpulan maklumat berkaitan akademik, hasil penerbitan, *starter kit* untuk penasihat akademik, rekod pencapaian, KPI dan lain-lain dalam laman sesawang khas yang dibangunkan oleh BHEA Pusat Asasi. Selain dari itu, BHEP Pusat Asasi juga komited menambahbaik pengurusan pembangunan pelajar melalui sistem khas yang telah dibangunkan bagi memudahkan pengurusan rekod aktiviti pembangunan pelajar sama ada melalui aktiviti kelab kokurikulum ataupun penganjuran program pembangunan pelajar daripada pelbagai unit lain. Sila rujuk Bukti 3 (Rajah 5.4.3c)

Penyesuaian dalam keadaan norma baharu telah diambil tindakan dimana, beberapa jenis platform maya yang mesra pengguna dan efektif dikenalpasti seperti penggunaan Google Meet, OBS, StreamYard, YouTube Live, Facebook Live dan instagram dalam penganjuran pelbagai program pembangunan pelajar sejajar dengan inisiatif strategik yang telah dirancang. Program Plus Tahfiz juga telah mengadaptasi keadaan semasa dengan mengadakan sesi Halaqah, Hafazan dan aktiviti lain secara atas talian. Sila rujuk Bukti 4.

Secara keseluruhannya, warga Pusat Asasi adalah sangat komited, versatil dan fleksibel dalam mencapai kecemerlangan pembangunan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_S01_SB04_SC03_20221_Tindakan Penambahbaikan- Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_S01_SB04_SC03_20222_Tindakan Penambahbaikan- Bukti 2.pdf](#)
3. [F0041_S01_SB04_SC03_20223_Tindakan Penambahbaikan- Bukti 3.pdf](#)
4. [F0041_S01_SB04_SC03_20224_Tindakan Penambahbaikan- Bukti 4.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pusat Asasi telah memfokuskan kecemerlangan aktiviti pembangunan pelajar dengan memastikan keterlibatan warga Pusat Asasi secara optimum melalui inovasi yang terhasil dalam pelan tindakan yang telah dijalankan. Sistem pengurusan aktiviti pembangunan pelajar telah dibangunkan dengan menggunakan Sistem Pendaftaran Kokurikulum (CRS) seperti dalam Rajah 5.5a (rujuk Bukti 1) di mana terdapat paparan kalendar aktiviti pelajar, rekod pendaftaran kelab, pendaftaran aktiviti pembangunan pelajar, rekod kehadiran pelajar, rekod markah kokurikulum dan lain-lain boleh dilakukan secara atas talian.

Dalam pengurusan komitmen dan KPI staf, hasil penulisan dan penerbitan daripada projek inovasi dan penyelidikan pelajar yang diselia oleh staf akademik Pusat Asasi juga telah dikumpulkan dan dimuatnaik di platform laman sesawang yang dinamakan sebagai “One-stop Information Centre” seperti dalam Gambarajah 5.5b (rujuk Bukti 2). Terdapat banyak lagi pengumpulan data maklumat yang boleh dimanfaatkan oleh warga Pusat Asasi di laman ini.

Kesimpulannya, inovasi yang telah dihasilkan memberikan impak positif kepada warga Pusat Asasi di mana maklumat yang diperlukan oleh para pelajar dan staf dapat diperolehi dengan cepat, mudah dan tepat daripada inovasi sistem yang diwujudkan. Inovasi seperti ini turut meningkatkan kepuasan hati warga Pusat Asasi serta memupuk budaya *techno-savvy*, berdaya saing, dan *Green Campus* melalui penjimatan kertas.

Selain pembangunan inovasi, Pusat Asasi telah mengambil pendekatan dinamik dan bermotivasi dalam transformasi ke arah perkhidmatan yang cemerlang dalam usaha mencapai kecemerlangan aktiviti pembangunan pelajar. Usaha berterusan ini dilaksanakan melalui pemantapan pengurusan prestasi, pengiktirafan dan sanjungan serta motivasi bersifat intrinsik juga ekstrinsik. Sehubungan dengan itu, prestasi kerja warga Pusat Asasi dapat dilihat melalui penilaian keberhasilan, penetapan sasaran dan akauntabiliti, serta pengiktirafan yang sejajar dengan misi dan visi Pusat Asasi. Penghargaan dan pengiktirafan yang telah diberikan antaranya adalah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Akademik Universiti (AAU) Peringkat Pusat Asasi melalui pelbagai platform seperti buletin rasmi Pusat Asasi, laman sosial rasmi Pusat Asasi (Instagram & Facebook), hebahan melalui email, dan juga medium sosial Whatsapp bagi mewar-warkan pengiktirafan dan penghargaan seterusnya memberikan inspirasi dan semangat persaingan sihat kepada warga Pusat Asasi (Sila rujuk Bukti 3 : Rajah 5.5c).

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_S01_SB05_20221_Integrasi- Bukti 1.pdf](#)
2. [F0041_S01_SB05_20222_Integrasi- Bukti 2.pdf](#)
3. [F0041_S01_SB05_20223_Integrasi- Bukti 3.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Proses operasi di Pusat Asasi memainkan peranan yang penting dalam memastikan permata yang digilap akan terus bersinar selamanya. Bagi mencapai objektif strategik Pusat Asasi, bahagian dan unit di Pusat Asasi yang mengendalikan bidang pengurusan dan pembangunan pelajar sentiasa memastikan kelangsungan proses-proses utama adalah berkualiti dan selaras dengan perancangan strategik Pusat Asasi. BHEA adalah bahagian terpenting bagi menguruskan akademik pelajar manakala BHEP pula merupakan bahagian utama bagi menguruskan hal ehwal pelajar dalam struktur organisasi Pusat Asasi. Bagi melancarkan kelangsungan proses-proses utama dan sokongan, setiap proses tersebut harus mematuhi prosedur kerja yang telah ditetapkan. Setiap proses pengurusan dan pembangunan pelajar diketuai oleh individu-individu yang kompeten serta berkaliber tinggi agar setiap proses berjalan dengan lancar.

Pusat Asasi mengamalkan sistem pengurusan kerja bersepadu dan berintegritas untuk memastikan kepuasan pelanggan dan pihak berkepentingan (*stakeholders*). Pusat Asasi menggunakan PDCA (*Plan, Do, Check and Act*) dalam aspek pengurusan dan pembangunan pelajar untuk memastikan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan dibuat secara sistematik. Pelan perancangan strategik dimanfaatkan oleh Pusat Asasi untuk merancang program-program pemantapan bagi pengurusan dan pembangunan pelajar yang selaras dengan visi dan misi UiTM di mana penglibatan pelajar dalam kegiatan akademik dan kokurikulum digilap dan mampu memupuk nilai murni, sikap dan tingkah laku mulia serta melahirkan graduan berkecekapan global.

Selaras dengan Pelan Perancangan Strategik UiTM 2025, pihak pengurusan Pusat Asasi amat menitikberatkan beberapa pendekatan seperti proses kelulusan, proses pengurusan dan proses pengumpulan data bagi sesuatu projek/program akademik mahupun kokurikulum bagi meningkatkan mutu pengurusan dan pembangunan pelajar. Kelulusan program akademik dan inovasi akan ditentukan di dalam mesyuarat pengurusan Pusat Asasi, contohnya seperti AICD, CDU, I-CReST dan KSTI. Selain itu, BHEP pula memainkan peranan utama dalam program kokurikulum pelajar seperti membuat persediaan kelab dan persatuan yang memberi faedah kepada semua pelajar di Pusat Asasi. Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari Pusat Asasi juga menawarkan Program Plus Tahfiz. Program Plus Tahfiz dilihat mampu memberi nilai tambah kepada para huffaz untuk menyambung pengajian akademik di peringkat yang lebih tinggi dan pada masa yang sama, mempertahankan budaya Al-Quran.

Proses pengurusan yang sistematik dilaksanakan bagi setiap program akademik dan kokurikulum bermula dari proses pendaftaran para pelajar, hebahan maklumat, program dilaksanakan sehingga ke akhir program. Proses ini penting bagi memastikan program yang dilaksanakan adalah berkesan dan seiring dalam menghasilkan graduan yang berkualiti dan berkecekapan global. Pihak pengurusan Pusat Asasi sentiasa memberikan galakan dan sokongan padu kepada setiap program yang dilaksanakan dengan memberikan bimbingan kepada para pelajar yang menyertai program. Objektif utama adalah untuk memastikan para pelajar dapat terlibat dan didedahkan dalam kegiatan akademik dan kokurikulum yang mampu memupuk nilai dan sikap yang murni, tingkah laku yang mulia dan berkemahiran global.

Pemantauan diadakan secara berterusan untuk mengukur tahap keberkesanan dan juga penglibatan dan pencapaian pelajar bagi setiap aktiviti. Kaedah pemantauan adalah seperti perjumpaan yang diadakan untuk membincangkan perkembangan semasa dan ketua kumpulan untuk penyelidikan dan inovasi yang terdiri daripada pelajar, berurusan dengan kumpulan masing-masing dan melaporkan perkembangan kepada pensyarah.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Penglibatan pelajar dalam Penyelidikan dan Inovasi

Selaras dengan matlamat UiTM untuk menghasilkan graduan berkecekapan global dan menggilap permata, penglibatan para pelajar dalam penyelidikan dan inovasi menghasilkan golongan pelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas, nilai yang baik, kemahiran dan tingkah laku yang boleh diteladani oleh semua warga. Para warga Pusat Asasi menggunakan pelbagai pendekatan untuk mencapai dan memberi maklumat mengenai penyelidikan dan inovasi kepada pelajar asasi.

Penyebaran maklumat yang disampaikan melalui Unit Korporat Pusat Asasi mengenai program-program ini disiarkan di dalam laman sosial Pusat Asasi; *Facebook, Instagram -Pusat Asasi UiTM Official, Telegram-* Info Rasmi Pusat Asasi UiTM Sesi 2021/2022 dan digital signage. Maklumat mengenai program pembangunan pelajar yang dijalankan boleh diperolehi melalui hebahan poster.

Di samping itu, pendedahan juga dibuat oleh pensyarah kepada para pelajar sewaktu kelas. Pensyarah menerangkan objektif program-program ini kepada pelajar, seterusnya menggalakkan mereka untuk sertai program-program ini. Antara program penyelidikan dan inovasi adalah I-CReST, CDU dan KSTI (sila rujuk Bukti 1 dan Bukti 2). Penglibatan pelajar dalam penyelidikan dan inovasi amat digalakkan oleh Pusat Asasi. Para pensyarah juga menekankan kebaikan menyertai dalam program-program sebegini kerana ia boleh mengiktiraf sumbangan dan bakat pelajar, mendorong pelajar meneroka kreativiti dan kemahiran berfikir secara kritis dan inovatif.

Penglibatan pelajar dalam Kelab Kokurikulum

Teras utama penglibatan pelajar Pusat Asasi dalam kelab-kelab kokurikulum yang ditubuhkan adalah untuk melahirkan pelajar yang berkualiti dari pelbagai aspek seperti nilai, sikap dan tingkah laku serta kemahiran, dan tidak terhad kepada ilmu akademik semata-mata. Pusat Asasi amat mementingkan pelaksanaan yang sistematik dan telah menyediakan satu sistem kokurikulum iaitu CRS dan taklimat penggunaan sistem diadakan ketika Minggu Destini Siswa (sila rujuk Bukti 3). Segala aktiviti, penglibatan dan markah pelajar akan direkodkan di dalam CRS. Melalui sistem ini, pelajar boleh membuat semakan markah aktiviti kokurikulum melalui pautan <https://asid.uitm.edu.my/student>, manakala kakitangan Pusat Asasi boleh menyemak aktiviti kokurikulum yang telah dilaksanakan melalui pautan <https://asid.uitm.edu.my/crs>. Hebahan aktiviti kokurikulum pula akan disiarkan melalui laman-laman sosial Pusat Asasi (*Instagram*: Pusat Asasi UiTM Official, *Telegram*: Info Rasmi Pusat Asasi UiTM Sesi 2021/2022 dan *digital signage*: Lobi Pentadbiran, Pusat Asasi).

Penglibatan pelajar dalam Program Plus Tahfiz UiTM

Selain pendedahan kepada penyelidikan, inovasi dan kokurikulum, Pusat Asasi juga menyahut seruan Akademi Pengajian Islam kontemporari UiTM dengan menawarkan Program Plus Tahfiz UiTM di peringkat asasi. Dengan adanya program ini, para pelajar dapat mempelajari ilmu dan kemahiran baru malah dapat mengekalkan nilai dan tingkah laku murni. Pelajar Program Plus Tahfiz Pusat Asasi mendapat bimbingan dan pemantauan yang berterusan daripada guru tasmik yang kompeten dalam bidang hafazan sepanjang tempoh program dan diminta untuk mengisi borang maklumat diri (sila rujuk Bukti 4). Maklumat mengenai Program Plus Tahfiz dihebahkan ketika Minggu Destini Siswa dan Ekspo Selangkah ke UiTM (sila rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_O01_OB02_20221_Bukti 1_Platform hebahan.pdf](#)
2. [F0041_O01_OB02_20222_Bukti 2 -POSTER I-CReST .pdf](#)
3. [F0041_O01_OB02_20223_BUKTI 3- Taklimat Penggunaan Sistem Pendaftaran](#)

[/KORUPKORUM.pdf](#)

4. [F0041_O01_OB02_20224_BUKTI 4- Borang Maklumat Pelajar Plus Tahfiz.pdf](#)
5. [F0041_O01_OB02_20225_BUKTI 5- ESKU 2022_Plus Tahfiz.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Penyelidikan dan Inovasi

Jawatankuasa yang dilantik telah membuat perancangan awal dan bermesyuarat dengan Ahli Jawatankuasa masing-masing untuk tindakan selanjutnya (Bukti 1 dan Bukti 2). Kemudian, kertas cadangan telah dihantar kepada Pusat Asasi untuk kelulusan. Setelah mendapat kelulusan, AJK unit memulakan tugas masing-masing untuk penyebaran maklumat program. Pelajar-pelajar menyertai program melalui pensyarah dan pensyarah menjadi mentor kepada penyelidikan/inovasi yang disertai oleh para pelajar. Seterusnya, pensyarah membuat perbincangan mengenai hal-hal berkaitan penyertaan penyelidikan dan inovasi pelajar. Seorang pelajar daripada setiap kumpulan dilantik sebagai ketua kumpulan dan para pensyarah membimbing pelajar dari segi penyertaan, penulisan, pemikiran kreatif, pembentangan dan lain-lain. Para pelajar diberi peluang untuk menyertai program-program yang dianjurkan untuk mencungkil bakat dalam penyelidikan dan inovasi. Para pelajar mempamerkan produk inovasi yang dihasilkan setelah didorong untuk meneroka kreativiti dan kemahiran berfikir secara kritis dan inovatif.

Kelab Kokurikulum

Pusat Asasi menyediakan pelbagai kelab dan persatuan untuk memberi peluang kepada para pelajar untuk menguasai ilmu, nilai, tingkah laku dan kemahiran berkecekapan global. Staf yang berminat diminta untuk mendaftar sebagai penasihat kelab manakala pelajar pula diminta untuk memilih dan mendaftar kelab yang menarik perhatian mereka. Seterusnya, pelajar menghadiri taklimat kokurikulum-HEP mendapatkan senarai kelab yang didaftarkan di dalam sistem CRS (Rujuk Bukti 3)- Pelajar mendaftar kelab melalui google form-Hebahan senarai nama pelajar dan kelab-Penasihat kelab mengadakan perjumpaan, merancang dan mengadakan aktiviti bersama ahli. Penasihat kelab sentiasa memastikan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh kelab adalah selaras dengan keperluan pelajar dalam menghasilkan graduan yang berkemampuan global. Manakala, perkembangan ahli kelab dipantau melalui sistem CRS. Aktiviti yang disertai dan jumlah markah bagi setiap ahli boleh disemak melalui sistem ini. Ahli kelab diberikan pendedahan dan bimbingan oleh penasihat yang berkaliber. Selain daripada aktiviti di dalam kampus, para ahli juga diberikan peluang untuk menyertai aktiviti dan pertandingan yang dianjurkan oleh institusi-institusi luar (sila rujuk Bukti 4). Bagi setiap aktiviti yang disertai, penasihat kelab memasukkan markah kokurikulum bagi setiap ahli ke dalam sistem CRS

Program Plus Tahfiz UiTM

BHEA akan mendapatkan unjuran pengambilan pelajar Plus Tahfiz yang telah mendaftar. Setelah itu, kumpulan kod kursus Plus Tahfiz berkredit diwujudkan dan proses lantikan tenaga pelajar Plus Tahfiz dilakukan. Hebahan mengenai program Plus Tahfiz dilakukan sewaktu minggu MDS- Pelajar yang berminat mengisi google form yang dikongsikan- Saringan mengikut syarat kelayakan dilakukan oleh unit ACIS, Pusat Asasi-Penyerahan senarai nama pelajar ke BHEA untuk penjana pelan pengajian baharu-Pelajar mendaftar kursus Plus Tahfiz berkredit melalui sistem pendaftaran kursus dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pelajar Plus Tahfiz didedahkan dengan pelbagai program dan aktiviti pemantapan Al-Quran sepanjang tempoh pengajian. Sebagai inisiatif untuk memantapkan lagi kecekapan pelajar, pelbagai program luar termasuk aktiviti kesukarelawan dan khidmat masyarakat turut diadakan bagi pelajar Plus Tahfiz (rujuk Bukti 5). Prestasi pelajar dipantau secara berterusan melalui penilaian kursus dan pelaporan prestasi. Unit ACIS juga mengadakan pertemuan bulanan bersama pelajar untuk memantau perkembangan pelajar dan pemantauan kehadiran pelajar ke sesi tasmik sentiasa

meningkatkan orientasi tenaga pengajar. Selain itu, para pelajar juga diberikan peluang untuk menyertai pelbagai pertandingan hafazan dan tilawah di peringkat Pusat Asasi dan luar. Mereka juga diberikan pendedahan dan menimba ilmu melalui program ilmiah dan insaniah yang dianjurkan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_O01_OB03_20221_Bukti 1 - Skop Kerja AICD2021.pdf](#)
2. [F0041_O01_OB03_20222_Bukti 2 - Senarai Ahli Jawatankuasa I-CReST .pdf](#)
3. [F0041_O01_OB03_20223_BUKTI 3- Paparan Sistem CRS.pdf](#)
4. [F0041_O01_OB03_20224_BUKTI 4-Gambar Aktiviti Kelab Debat.pdf](#)
5. [F0041_O01_OB03_20225_BUKTI 5- Gambar Aktiviti Program Plus Tahfiz.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Penyelidikan dan Inovasi

Para pelajar telah memberikan sumbangan mereka dari pelbagai aspek untuk penyelidikan dan inovasi. Dari segi inovasi, sumbangan mereka untuk menghasilkan produk inovasi penting kerana ia mempunyai potensi untuk dikomersialkan dan mengiktiraf produk tersebut ke peringkat yang lebih tinggi. Ia juga turut menambahkan jumlah *copyright* Pusat Asasi. Dari segi penyelidikan, pelajar diberi peluang untuk mengetengahkan hasil penyelidikan dalam bentuk penulisan dan penerbitan. Mereka turut diberi peluang untuk membentangkan hasil kerja mereka di persidangan, dan mendapat pendedahan kepada ilmu yang tidak boleh diperolehi dalam pembelajaran bilik kuliah. Penglibatan inovasi dan penyelidikan dapat meningkatkan ilmu, kemahiran-kemahiran dan nilai-nilai murni dalam diri pelajar dimana ia adalah usaha Pusat Asasi untuk menggilap permata iaitu para pelajar.

Kelab Kokurikulum

Penglibatan pelajar dalam kelab dan persatuan di Pusat Asasi akan dipantau dengan lebih sistematik melalui CRS. Para pelajar dapat menyemak markah kokurikulum mereka secara atas talian dan berusaha untuk mencapai 10% merit kokurikulum sepanjang tempoh dua semester. Menerusi Kelab Debat, para pelajar dapat mempelajari format debat yang betul dan dibimbing oleh penasihat kelab yang berkaliber tinggi untuk menggilap bakat dan potensi debat mereka. Ini dapat membantu pelajar untuk meningkatkan keupayaan komunikasi, keyakinan diri dan berfikir kritikal. Selain itu, pertandingan-pertandingan yang disertai mempersiapkan dan membolehkan para pelajar untuk memberi sumbangan dalam memberikan kesedaran mengenai isu-isu semasa dan global. Penglibatan pelajar dalam kelab debat mampu melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang di dalam bidang akademik, malahan juga bersifat holistik (sila rujuk Bukti 4).

Program Plus Tahfiz UiTM

Para pelajar Program Plus Tahfiz mendapat peluang untuk melanjutkan pengajian akademik dalam pelbagai bidang profesional di Pusat Asasi dan berguru dengan tasmii' yang bertauliah bagi mengulang dan memantapkan hafazan Al-Quran mereka secara berterusan (sila rujuk Bukti 5). Pemantapan hafazan di kalangan pelajar juga dapat diasah melalui pertandingan-pertandingan hafazan yang mereka sertai. Bagi pelajar baru yang berminat dengan hafazan Al-Quran, program ini menjadi satu platform bagi mereka untuk belajar menghafaz Al-Quran. Akhir sekali, menerusi program ini, para pelajar dapat mempertahankan dan mempertingkatkan budaya Al-Quran, memahiri ilmu lain semasa tempoh pengajian mereka di Pusat Asasi serta menjadi nilai tambah untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ISM.

SENARAI BUKTI:

1. [F0041_O01_OB04_OC01_20221_Bukti 1 -Senarai Pelajar ICREST.pdf](#)
2. [F0041_O01_OB04_OC01_20222_Bukti 2 -PESERTA ARDUINO & KSTI SHOWCASE CDU.pdf](#)
- 3.
4. [F0041_O01_OB04_OC01_20224_BUKTI 4- Maklum Balas Pelajar bagi Kelab Debat.pdf](#)
5. [F0041_O01_OB04_OC01_20225_BUKTI 5- Rekod Sesi Halaqah Bersama Tasmii'.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Penyelidikan dan Inovasi

Risiko para pelajar adalah pengurusan masa. Para pelajar Asasi melibatkan diri dalam banyak kegiatan ataupun aktiviti luar bilik kuliah setiap hari. Pelajar-pelajar terdapat kekangan masa kerana mereka perlu bijak dalam membahagikan masa untuk melengkapkan kerja-kerja atau tugas-tugas yang diberikan oleh pensyarah dan mereka juga perlu menyiapkan kerja-kerja selain yang diberikan di kelas seperti penyelidikan dan inovasi. Penyediaan untuk program-program penyelidikan dan inovasi mengambil masa kerana mereka perlu membuat perjumpaan bersama ahli kumpulan secara kerap untuk menjayakan projek mereka (sila rujuk Bukti 1, Bukti 2 dan Bukti 3). Pelajar memerlukan masa untuk reka produk inovasi masing-masing. Dari segi penyelidikan mereka perlu meluangkan masa untuk pengumpulan data, membaca artikel-artikel berkenaan dan penulisan ilmiah untuk menghantar ke jurnal-jurnal. Selain itu, risikonya adalah peruntukan yang terhad, capaian internet yang terhad kerana program ini dijalankan secara atas talian dan pengoperasian yang perlu patuh kepada SOP pandemik Covid-19.

Kelab Kokurikulum

Risiko yang dihadapi dengan penggunaan CRS sebagai aplikasi rasmi bagi pengendalian kokurikulum di Pusat Asasi ialah infrastruktur yang terhad. Apabila berlakunya gangguan server dan capaian internet lemah berlaku, para pelajar serta penasihat kelab tidak dapat mengakses CRS buat sementara waktu. Terdapat juga segelintir penasihat kelab yang tidak mahir untuk menggunakan sistem CRS. Disamping itu, ada ketika penglibatan para pelajar di dalam aktiviti, program atau pertandingan yang dianjurkan oleh institusi luar berlangsung pada hari bekerja dan menyebabkan mereka tidak dapat menghadiri kuliah seperti yang telah dijadualkan. Pelajar yang terpilih untuk menyertai pertandingan juga perlu menjalani latihan terlebih dahulu (sila rujuk Bukti 4).

Program Plus Tahfiz UiTM

Program Plus Tahfiz merupakan program baru yang ditawarkan oleh UiTM. Oleh itu, tidak semua pelajar yang memohon ke UiTM mengetahui tentang kewujudan program ini. Bagi pelajar Plus Tahfiz pula, risiko yang dihadapi ialah jadual akademik mereka yang padat. Pelajar yang memilih untuk mengikuti program berkredit akan mempunyai dua subjek tambahan dan mempunyai kelas hafazan harian pada sesi pagi (sebelum kuliah akademik) atau sesi malam (selepas kuliah akademik). Pengoperasian yang perlu patuh kepada SOP pandemik COVID-19 juga menyebabkan perjumpaan dan sesi tasmik hanya boleh dilakukan secara atas talian (sila rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_O01_OB04_OC02_20221_Bukti_1_Persiapan dan perjumpaan untuk penyelidikan.pdf](#)
2. [F0041_O01_OB04_OC02_20222_BUKTI 2 -Persiapan dan perjumpaan untuk inovasi.pdf](#)
3. [F0041_O01_OB04_OC02_20223_BUKTI 3 -Persiapan dan perjumpaan untuk inovasi 2.pdf](#)
4. [F0041_O01_OB04_OC02_20224_BUKTI 4- Persiapan Sebelum Pertandingan Debat.pdf](#)
5. [F0041_O01_OB04_OC02_20225_BUKTI 5- Perjumpaan Plus Tahfiz Secara Online.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Penyelidikan dan Inovasi

Cabaran dan risiko utama yang dihadapi oleh pelajar adalah pengurusan masa. Para pelajar terpaksa mengorbankan masa untuk sesi kuliah, tugas kuliah dan penglibatan dalam aktiviti penyelidikan dan inovasi. Pelajar diberikan motivasi oleh pensyarah supaya para pelajar sentiasa berfikiran positif dan mengetahui kepentingan penglibatan dalam program- sebegini. Motivasi daripada para pensyarah sebagai mentor amat penting dan memberikan impak yang positif kepada para pelajar yang terlibat. Ia dibuktikan dengan kejayaan para pelajar yang berjaya menghasilkan inovasi dan penyelidikan dan seterusnya mempunyai penerbitan dalam buku abstrak dan buku prosiding program-program tersebut. Yuran penyertaan para pelajar ditanggung oleh Pusat Asasi. Selain itu, para pelajar boleh menggunakan kemudahan capaian internet di kampus. Pensyarah juga ditugaskan untuk memastikan SOP dipatuhi.

Kelab Kokurikulum

Bagi mengatasi gangguan server CRS dan capaian internet lemah, Unit Infostruktur Pusat Asasi mengambil inisiatif untuk sentiasa mengemaskini dan menambahbaik sistem. BHEP dengan kerjasama Unit Infostruktur juga mengadakan sesi taklimat penggunaan CRS yang telah ditambahbaik bagi memantapkan skil penggunaan sistem kepada semua warga Pusat Asasi. Bagi pelajar yang mempunyai kekangan masa untuk persiapan dan menghadiri pertandingan, mereka boleh memohon dan akan diberikan kebenaran pengecualian kuliah oleh Pusat Asasi. Namun, pelajar yang terlibat hendaklah mempelajari semula kuliah yang ditinggalkan dengan mengadakan sesi konsultasi bersama pensyarah, bertanyakan rakan atau menonton semula video rakaman sesi perkuliahan. Latihan pula diadakan setelah tamat sesi perkuliahan contohnya pada waktu petang, malam atau hujung minggu.

Program Plus Tahfiz UiTM

Untuk mewar-warkan dengan lebih meluas Program Plus Tahfiz, UiTM telah mengambil inisiatif untuk membuat penghebahan umum bagi program ini di dalam Ekspo Selangkah ke UiTM. Pusat Asasi juga mengambil langkah yang sama dengan mempromosikan Program Plus Tahfiz di *Grand Open Day* serta mengadakan sesi taklimat khas semasa MDS. Manakala untuk mengatasi isu kepadatan jadual akademik pelajar Plus Tahfiz, Jawatankuasa Jadual Waktu Pusat Asasi akan memastikan terdapat slot kosong dan selang waktu kuliah di dalam jadual mereka bagi waktu rehat, solat dan makan tengahari. Jawatankuasa Plus Tahfiz Pusat Asasi juga mengambil inisiatif dengan mengadakan kelas dan pertemuan secara atas talian dan mewujudkan *WhatsApp group* bagi memudahkan penyaluran maklumat kepada pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [F0041_O01_OB04_OC03_20221_Bukti 1- AICD2021 FEEDBACK FORM - Google Forms.pdf](#)
- 2.
3. [F0041_O01_OB04_OC03_20223_BUKTI 3- Taklimat Penggunaan Sistem Pendaftaran Kokurikulum.pdf](#)
4. [F0041_O01_OB04_OC03_20224_BUKTI 4- Rakaman Sesi Perkuliahan.pdf](#)
5. [F0041_O01_OB04_OC03_20225_Bukti 5 - WhatsApp Group Plus Tahfiz.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penyelidikan dan Inovasi

Penambahbaikan berterusan adalah penting untuk menjayakan sesuatu program pada masa akan datang. Dari segi penglibatan pelajar dalam inovasi dan penyelidikan, perluasan secara terperinci dilakukan. Para pelajar digalakkan menyertai aktiviti-aktiviti sebegini dengan menghantar lebih banyak wakil atau kumpulan daripada setiap kelas. Ini adalah penting untuk melahirkan graduan berkecekapan global dari segi akademik dan bukan akademik. Di samping itu, dalam situasi pandemik yang sedang melanda secara global ini telah memberikan cabaran yang amat besar kepada para pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sebegini, namun mereka telah berjaya mengambil bahagian dalam program-program ini secara maya dan ini adalah integrasi yang amat cemerlang untuk warga Asasi – pensyarah dan pelajar (sila rujuk Bukti 1, Bukti 2 dan Bukti 3).

Kelab Kokurikulum

Sistem kokurikulum yang dahulunya hanya menggunakan kupon serta kad kokurikulum telah diinovasikan dan dinaiktaraf kepada penggunaan CRS secara rasmi bagi peringkat Pusat Asasi. Bagi Kelab Debat pula, penasihat kelab akan memastikan ahli kelab sentiasa mendapat latihan debat dari jurulatih yang bertauliah serta berpengalaman dan berperanan untuk menggilap bakat pelapis-pelapis debat. Kelab Debat juga sentiasa aktif dalam mencari peluang untuk menyertai pertandingan debat yang berprestij untuk memastikan ahli kelab dapat menimba pengalaman dan pendedahan secara menyeluruh dan berterusan untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang di dalam bidang akademik, tetapi juga mempunyai kecekapan global (sila rujuk Bukti 4). Ketika pandemik, perjumpaan secara atas talian tidak menjadi batu penghalang untuk Kelab Debat sentiasa aktif, memenangi pertandingan dan menggondol pelbagai anugerah.

Program Plus Tahfiz UiTM

Program Plus Tahfiz kini telah mewujudkan dua kursus spesifik bagi program berkredit dan nilai kredit akan dicatat dalam Transkrip Asasi pelajar. Kesemua pelajar Program Plus Tahfiz (Berkredit dan Tidak Berkredit) akan dianugerahkan sijil penyertaan Plus Tahfiz. Pihak pengurusan Plus Tahfiz Pusat Asasi sentiasa memastikan para pelajar mendapat bimbingan dari guru tasmik yang bertauliah dan berkaliber tinggi untuk memastikan pelajar dapat mempertingkatkan dan melestarikan budaya Al-Quran di samping pengajian akademik mereka. Pelajar dari program ini juga tidak ketinggalan untuk mengelola serta menyertai pelbagai program dan pertandingan di dalam dan luar institusi (sila rujuk Bukti 5). Mereka bukan sahaja memenangi pelbagai anugerah tilawah dan hafazan Al-Quran, malahan juga diapresiasi di Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik (MAKA)

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
4. [F0041_O01_OB05_20224_BUKTI 4- Antara Pencapaian Kelab Debat \(2019-2021\).pdf](#)
5. [F0041_O01_OB05_20225_BUKTI 5- Antara Pencapaian Pelajar Plus Tahfiz.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Perancangan Strategi

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelajar Pusat Asasi merupakan pelajar cemerlang SPM dari seluruh Malaysia. Pelajar berpotensi tinggi ini **ibarat permata yang perlu digilap** agar perkembangan rohani, jasmani dan emosi mereka seiring dengan kecemerlangan akademik. Seajar dengan kesedaran ini, pelaksanaan strategi Pusat Asasi pada tahun 2021 telah menumpukan kepada **pembangunan pelajar** yang berkesan melalui Objektif Strategik 4 (OS4). Objektif **melahirkan pelajar berketrampilan dan dinamik (OS4)** ini melibatkan tiga Inisiatif Strategik (IS) Pusat Asasi iaitu **IS1: Penglibatan pelajar dalam penyelidikan dan inovasi, IS2: Kelab dan aktiviti pelajar** serta **IS3: Program Plus Tahfiz**.

Pada tahun 2021, Pusat Asasi telah menganjurkan lebih dari 110 program yang melibatkan pembangunan pelajar. Walaupun berdepan dengan norma baharu, penganjuran aktiviti pelajar serta penglibatan aktif pelajar Pusat Asasi tetap diberi tumpuan dalam ketiga-tiga IS. Bahagian ini akan membincangkan hasil pelaksanaan ketiga-tiga inisiatif tersebut di sepanjang tahun 2021 bagi mencapai OS4 Pusat Asasi melalui pencapaian Performance Indicator (PI) 2021 yang telah ditetapkan oleh pihak Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

Tahap pencapaian PI Pusat Asasi yang melibatkan pelajar diukur melalui **empat PI** iaitu bilangan penglibatan pelajar dengan program kepimpinan (**PI035**), bilangan penglibatan pelajar dalam program berkaitan kemahiran komunikasi (**PI040**), bilangan penyertaan pelajar dalam e-sukan (**PI042**) dan bilangan program berkaitan kesejahteraan emosi (**PI050**). Tahap pencapaian cemerlang keempat-empat PI yang terlibat bagi tahun 2021 telah menunjukkan bahawa Pusat Asasi telah berjaya **membantu pelajar untuk melibatkan diri dan bergiat aktif dalam aktiviti** yang dapat **menimbulkan minat** serta **mengasah bakat** yang ada. Sokongan padu pihak pengurusan serta kerjasama staf yang sangat komited dalam memberi pendedahan serta melatih pelajar telah memastikan sasaran keempat-empat PI tercapai.

Tren penglibatan pelajar dalam aktiviti yang dianjurkan bagi tiga kohot pengambilan pelajar menunjukkan terdapat cabaran yang timbul akibat dari penetapan pematuhan prosedur (SOP) pada era pandemik Covid-19. Pada peringkat awal pandemik, terdapat penurunan pada penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, namun **berlakunya peningkatan penglibatan pelajar** di antara kohot 2020/2021 dengan kohot 2021/2022 sekaligus membuktikan **cabaran pelaksanaan aktiviti pelajar secara atas talian berjaya ditangani** dengan berkesan oleh pihak pengurusan Pusat Asasi.

Perbandingan nisbah sasaran dan pencapaian bagi Pusat Asasi dengan fakulti dan kampus cawangan menunjukkan pencapaian Pusat Asasi yang amat membanggakan pada tahun 2021. Pusat Asasi bukan sahaja **berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan**, malah nisbah pencapaian hebat dalam keempat-empat PI telah meletakkan **Pusat Asasi** antara yang **berprestasi tinggi dibandingkan dengan fakulti** lain. Pencapaian Pusat Asasi turut menyerlah dalam perbandingan nisbah pencapaian PI dengan **kampus cawangan**.

Kepentingan dari pelaksanaan OS4 Pusat Asasi telah menunjukkan hasil dari usaha Pusat Asasi dalam **"menggilap permata"** melalui aktiviti pembangunan pelajar. Penglibatan aktif pelajar Pusat Asasi dalam program yang berteraskan kepimpinan, kemahiran komunikasi,

e-sukan serta kesejahteraan emosi dapat membentuk jati diri pelajar Pusat Asasi yang berdaya saing serta berkecekapan global. **Hasil dari pelaksanaan strategi ini, minat pelajar berjaya dicungkil, bakat pelajar berjaya diasah melalui kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Pusat Asasi di sepanjang tahun 2021.**

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0041_HB02_20221_Hasil 1-Tahap.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0041_HB03_20222_Hasil 1- Tren.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0041_HB04_20223_Hasil 1- Perbandingan.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0041_HB05_20224_Hasil 1- Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil dari Tumpuan Pelanggan

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Selaras dengan Visi Universiti Teknologi MARA untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan, justeru itu salah satu usaha Pusat Asasi adalah dengan mengambil pendekatan yang jitu untuk membangunkan budaya penyelidikan yang kompetitif dan berinovasi di kalangan warga kerja dan pelajarnya demi meningkatkan kualiti kehidupan sejagat selaras dengan hala tuju Pusat Asasi. Pengurusan Kanan Pusat Asasi berusaha melaksanakan aktiviti-aktiviti selaras dengan 3 inisiatif strategik yang telah ditetapkan. Pada Tahun 2021, terdapat 4 program utama yang telah dilaksanakan dan disertai bagi memberi peluang kepada pelajar untuk membudayakan penyelidikan dan inovasi iaitu AICD/CdU, KSTI, ICRest dan PIITRAM.

Bahagian ini akan memberi tumpuan kepada hasil tumpuan pelanggan iaitu pelajar yang merangkumi tahap keberhasilan pelajar menyertai program anjuran Pusat Asasi dan program anjuran luar, tren penyertaan pelajar, perbandingan dengan Pusat Asasi dan Kolej Matrikulasi Malaysia serta kepentingan dan impak pelajar menyertai semua program yang dinyatakan.

Pembangunan pelajar adalah antara elemen utama dalam pembentukan karakter pelajar universiti dan amat dititikberatkan bagi menghasilkan **graduan masa hadapan berkecekapan global**. Keistimewaan pelajar Pusat Asasi yang cemerlang dalam akademik adalah ibarat **permata yang perlu digilap** dimana ianya perlu digembleng sebaik mungkin, bukan sahaja demi kecemerlangan universiti, malah kerajaan dan masyarakat. Penganjuran aktiviti dan program pembangunan pelajar yang merangkumi pelbagai bidang iaitu akademik/ilmiah, inovasi, keusahawanan, sukan & rekreasi, kebudayaan dan kesukarelawanan di Pusat Asasi amat dititik berat oleh pengurusannya. Setiap aktiviti yang dianjurkan adalah mengambilkira kecenderungan minat pelajar.

Tahap keberhasilan pelajar dalam penglibatan program penyelidikan dan inovasi dapat dilihat dengan kenaikan pencapaian pingat emas dalam semua program yang disertai. Tren penglibatan pelajar juga didapati meningkat dalam penyertaan kelab dan setiap program yang dianjurkan dari tahun 2019 sehingga 2021. Perbandingan pencapaian dalam penglibatan pelajar dalam program anjuran luar (inter asasi) yang melibatkan Pusat Asasi dan Kolej Matrikulasi seluruh Malaysia dapat dilihat amat signifikan apabila berada di kelompok tiga institusi yang banyak memenangi pingat dalam Karnival Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi (PIITRAM) 2021 dan menjadi Naib Juara dalam Pertandingan Debat Inter Asasi Universiti Awam 2021. Pada keseluruhannya, pelaksanaan dan penglibatan semua program pembangunan pelajar Pusat Asasi ini menunjukkan tahap kecemerlangan yang baik **dalam menghasilkan graduan yang berkecekapan global** serta menghasilkan impak kepada UiTM secara amnya dan Pusat asasi secara khusus seperti bilangan penerbitan yang dihasilkan oleh pelajar dan kejayaan pelajar Program Plus Tahfiz apabila dinobatkan sebagai **Johan Pertandingan Musabaqah Hafazan Al Quran Peringkat Kebangsaan 2021/1443H**.

Kesimpulannya program-program pembangunan pelajar telah menunjukkan impak yang signifikan seiring dengan aspirasi universiti melahirkan modal insan dan sumber manusia yang berkualiti yang mana tidak hanya bergantung kepada pengetahuan akademik, malah dengan pengetahuan dan penguasaan kemahiran insaniah atau *soft-skill*, yang mampu menjulang kecerdikan dan kecemerlangan personaliti pelajar secara seimbang

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0041_HB02_20221_Hasil 2- Tahap.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0041_HB03_20222_Hasil 2- Tren.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0041_HB04_20223_Hasil 2- Perbandingan.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0041_HB05_20224_Hasil 2- Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil dari Tumpuan Sumber Manusia

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bahagian ini akan memberi tumpuan kepada hasil tumpuan sumber manusia iaitu staf Pusat Asasi yang merangkumi tahap, tren, perbandingan dan pengiktirafan terhadap pengiktirafan tenaga kerja melalui sumbangan kepakaran staf, peningkatan tahap penglibatan staf untuk pembangunan pelajar, dan peningkatan indeks kegembiraan staf. Untuk mencapai hasrat Naib Canselor UiTM bagi menghasilkan graduan masa hadapan berkecekapan global, penekanan terhadap pembangunan pelajar Pusat Asasi penting untuk diutamakan. Pelajar Pusat Asasi UiTM yang datang dari pelbagai latar belakang adalah ibarat permata yang perlu digilap bagi melestarikan kecemerlangan mereka di peringkat yang lebih tinggi. Kejayaan pengoptimuman sumber manusia berjaya dicapai melalui pelbagai inisiatif strategik telah dijalankan oleh Pusat Asasi UiTM sepanjang tahun 2021.

Tahap hasil pengoptimuman sumber manusia dapat dilihat melalui keterlibatan staf di dalam program-program yang bermatlamat untuk membangunkan pelajar secara holistik samada secara langsung atau tidak langsung. Walaupun beroperasi dengan pelbagai kekangan akibat pandemik Covid-19, keterlibatan staf sebagai juri inovasi, penasihat kelab kokurikulum, Program Plus Tahfiz Pusat Asasi, dan penyelia projek inovasi pelajar telah menunjukkan tren peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Malah, tren peningkatan indeks kegembiraan turut menggambarkan kesediaan staf Pusat Asasi dalam merealisasikan hasrat untuk menggilap permata yang bersinar bagi melahirkan graduan masa hadapan yang holistik serta berkecekapan global. Perbandingan pencapaian staf dalam mengoptimumkan kepakaran mereka telah dibuktikan melalui pencapaian yang membanggakan di dalam program anjuran luar yang melibatkan Pusat Asasi dan Kolej Matrikulasi seluruh Malaysia di mana Pusat Asasi telah berada di kelompok tiga institusi yang banyak memenangi pingat dalam Karnival Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi (PIITRAM) 2021. Malah, Pusat Asasi yang berada dalam kelompok pencapaian indeks kegembiraan sederhana gembira turut membuktikan bahawa perbandingan peratusan Pusat Asasi adalah tinggi berbanding fakulti-fakulti lain di dalam UiTM. Pada keseluruhannya, pengoptimuman tenaga sumber manusia melalui penglibatan staf di dalam program-program pembangunan pelajar Pusat Asasi ini menunjukkan tahap kecemerlangan yang baik dalam menghasilkan graduan yang berkecekapan global serta menghasilkan impak kepada UiTM secara amnya dan Pusat asasi secara khusus. Sumbangan tenaga pakar di dalam dan luar Pusat Asasi telah meningkatkan ketampakan Pusat Asasi di persada kebangsaan mahupun antarabangsa seperti pencalonan seramai tujuh orang juri bagi pertandingan inovasi berprestij iaitu Invention, Innovation Design & Exposition IIDEX 2021. Malah, kejayaan pelajar Program Plus Tahfiz yang telah dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Musabaqah Hafazan Al Quran Peringkat Kebangsaan 2021/1443H turut membuktikan kepentingan keterlibatan staf di dalam program-program pembangunan pelajar. Malah, pencapaian indeks kegembiraan staf Pusat Asasi yang baik turut memberi impak kepada sumbangan tenaga kerja secara berterusan dan komited untuk memastikan pembangunan pelajar adalah holistik dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek seterusnya melahirkan graduan masa hadapan yang berkecekapan global.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0041_HB02_20221_Hasil 3- Tahap.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0041_HB03_20222_Hasil 3- Tren.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0041_HB04_20223_Hasil 3- Perbandingan.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0041_HB05_20224_Hasil 3- Kepentingan.pdf](#)